

"DARIPADA Asmah bin Ziyad Radiallahuanhuma, beliau berkata : Wahai Rasulullah, aku tidak pernah melihat engkau berpuasa dalam satu bulan sebagaimana engkau berpuasa di dalam bulan Syaaban? Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : "Itu adalah bulan yang mana manusia sering lalai akannya iaitu bulan yang berada di antara Rejab dan Ramadan. Bulan tersebut adalah bulan yang diangkat amalanku diangkat dalam keadaan aku sedang berpuasa". (Hadis Riwayat Imam An-Nasaie).

NBD-NEGERI SABAH KUKUHKAN KERJASAMA DUA HALA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap Yang di-Pertua Negeri Sabah, Tuan Yang Terutama Tun Dato Seri Paduka Datuk Seri Panglima (Dr.) Musa bin Haji Aman dan isteri, Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datin Seri Panglima Datuk Hajah Faridah binti Haji Tussin. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi (Lihat muka 3 hingga 4)

Kibar bendera sempena Hari Kebangsaan mulai 15 Februari

Oleh : Jabatan Perdana Menteri

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 14 Februari. - Bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-41, Tahun 2025 dan bagi memeriahkan lagi sambutan berkenaan, sukacita rakyat dan penduduk di negara ini supaya sama-sama mengibarkan bendera di rumah-rumah kediaman masing-masing dan bangunan-bangunan pejabat dan perniagaan serta pemasangan dan penyalaan lampu-lampu cucul di bangunan-bangunan kerajaan dan sektor swasta mulai Sabtu, 15 Februari 2025 hingga Selasa, 25 Februari 2025.

Dalam hubungan ini, Pengiran-pengiran akan mengibarkan bendera peribadi, orang-orang yang dikurniakan gelaran akan mengibarkan bendera masing-masing dan bagi orang ramai pula akan mengibarkan Bendera Negara Brunei Darussalam.

Merukyah anak bulan Ramadan, 28 Februari

Siaran Akhbar : Mahkamah Syariah, Jabatan Kehakiman Negara

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 12 Februari. - Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Mahkamah Syariah Negara Brunei Darussalam (NBD) dengan ini memaklumkan kepada orang ramai terutama umat Islam di NBD bahawa Yang Berhormat Yang Dipertua Majlis Ugama Islam dengan ini memaklumkan bahawa ketetapan tarikh 1 Syaaban 1446 Hijrah adalah jatuh pada petang hari Khamis malam Jumaat, 30 Januari 2025 Masihi.

Maka dengan itu, Nisfu Syaaban bagi Tahun 1446 Hijrah jatuh pada petang hari Khamis malam Jumaat, 13 Februari 2025M.

Berikutan dengan itu juga, ketetapan bagi merukyah anak bulan Ramadan bagi Tahun 1446 Hijrah akan dilakukan pada petang hari Jumaat, 29 Syaaban 1446H bersamaan 28 Februari 2025M di tempat-tempat berikut iaitu bagi Daerah Brunei dan Muara di Bangunan Mutiara Exchange, Lebuhraya Tungku; Taman Rekreasi Tanjung Batu, Kampung Sabun, Pekan Muara dan Bukit Agok, Jerudong.

Manakala bagi Daerah Tutong bertempat di Bangunan Hilal Bukit Ambog dan di Daerah Belait ialah di Bangunan Hilal Bukit Lumut.

Pelantikan Timbalan Setiausaha Tetap baharu

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 12 Februari. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah dengan ini dimaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan

dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perkenan bagi pelantikan Pengarah Kemajuan Perumahan, Kementerian Pembangunan, Awang Haji Shahrudin Khairul bin Haji Anuar menjadi Timbalan Setiausaha Tetap (Infrastruktur, Perumahan dan Profesional) Kementerian Pembangunan. Tarikh pelantikan pegawai tersebut berkuat kuasa mulai Khamis, 14 Syaaban 1446 bersamaan 13 Februari 2025.



Berita Utama



Pastikan tiada seseorang yang tercicir menerima kurma peribadi paduka ayahanda

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim

ALHAMDULILLAH *Rabbil Alamin*, segala puji bagi Allah Subhanahu Wata'ala yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang serta selawat dan salam ke atas Junjungan Besar kita, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta kaum kerabat dan sahabat-sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin serta limpah kurnia-Nya juga kita berpeluang untuk berkumpul pada hari ini bagi menyempurnakan Majlis Pelancaran Pengagihan Kurma Kurnia Peribadi paduka ayahanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena bulan Ramadan 1446 Hijrah / 2025 Masihi.

Marilah kita merafakkan kesyukuran, kerana dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala jua, alhamdulillah paduka ayahanda terus dapat melaksanakan kurnia peribadi baginda pada tahun ini bagi membolehkan

semua lapisan masyarakat Islam di Negara Brunei Darussalam berpeluang menikmati buah kurma kurnia peribadi paduka ayahanda sebagai juadah berbuka puasa di bulan Ramadan yang tidak lama lagi menjelang.

Semua ini tentunya tidak akan dapat terlaksana tanpa adanya usaha gigih dan bersepadu dari setiap anggota masyarakat yang terlibat. Malah dengan semangat kerjasama dan tolong-menolong sebagai satu pasukan insyaaAllah, saya percaya semua cabaran akan dapat diatasi ke arah melaksanakan hasrat murni paduka ayahanda ini.

Bersandar kepada itu, pihak pengurusan yayasan paduka ayahanda hendaklah memastikan semua jentera yang terlibat memainkan peranan masing-masing ke arah memastikan tidak ada seorang pun tercicir dari menerima kurma peribadi paduka ayahanda di negara ini.

Ini kerana adalah menjadi tanggungjawab kita semua untuk memastikan amanah yang dipertanggungjawabkan itu dapat dituai dengan sebaiknya.

Oleh itu, saya amat percaya, amalan yang berkeadilan yang timbul dari pengagihan kurma kurnia peribadi paduka ayahanda ini akan mendorong kita untuk terus

memperbaiki lagi sistem pengagihan, agar ianya akan dapat dilaksanakan dengan sempurna dan jayanya seperti yang dihasratkan oleh paduka ayahanda.

Ini adalah bertepatan dengan firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Ma'idah, ayat 2 yang bermaksud: "... dan tolong-menolonglah kamu dalam kebajikan dan ketakwaan dan janganlah tolong menolong dalam dosa dan permusuhan (melanggar hukum-hukum Allah) ..."

Di kesempatan ini, saya sukacita ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih yang setinggi-tingginya kepada YSHHB, Kementerian dan jabatan kerajaan, pegawai-pegawai daerah, penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Radio Televisyen Brunei, Jabatan Penerangan, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan, para sukarelawan serta semua lapisan masyarakat yang terlibat yang telah bekerjasama dengan padu dan kukuh dalam mengurus dan mengendalikan amanah dan tanggungjawab yang berkeadilan ini dengan jayanya.

Akhirnya, marilah kita sama-sama berdoa ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala, semoga paduka ayahanda akan sentiasa dikurniakan kesihatan dan afiat yang berpanjangan, dimurahkan rezeki dan sentiasa berada di bawah perlindungan dan pemeliharaan Allah Subhanahu Wata'ala serta mendapat kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Amin.

Sekian, *Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkhiah (YSHHB) berkenan mengurniakan sabda pada Majlis Pelancaran Pengagihan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena Bulan Ramadan 1446 Hijrah / 2025 Masihi pada Selasa, 12 Syaaban 1446H bersamaan 11 Februari 2025M di Dewan An-Naura, Kompleks YSHHB.

"BERSANDAR kepada itu, pihak pengurusan yayasan paduka ayahanda hendaklah memastikan semua jentera yang terlibat memainkan peranan masing-masing ke arah memastikan tidak ada seorang pun tercicir dari menerima kurma peribadi paduka ayahanda di negara ini. Ini kerana adalah menjadi tanggungjawab kita semua untuk memastikan amanah yang dipertanggungjawabkan itu dapat dituai dengan sebaiknya".

WAKTU SEMBAHYANG										
FEBRUARI MASIHI	HARI	SYAABAN HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
15	SABTU	16	5.07	5.17	6.35	6.58	12.35	3.55	6.33	7.44
16	AHAD	17	5.07	5.17	6.35	6.58	12.35	3.55	6.33	7.44
17	ISNIN	18	5.06	5.16	6.35	6.58	12.35	3.54	6.34	7.44
18	SELASA	19	5.06	5.16	6.35	6.57	12.35	3.54	6.34	7.44
19	RABU	20	5.06	5.16	6.35	6.57	12.35	3.54	6.34	7.44
20	KHAMIS	21	5.06	5.16	6.34	6.57	12.35	3.53	6.34	7.44
21	JUMAAT	22	5.06	5.16	6.34	6.57	12.35	3.53	6.34	7.44

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
SABTU	AHAD	ISNIN	
Bandar Seri Begawan 31 26 °C	31 25 °C	31 25 °C	
Pekan Bangar 31 26 °C	31 25 °C	31 25 °C	
Pekan Tutong 31 26 °C	31 25 °C	31 25 °C	
Kuala Belait 31 26 °C	31 25 °C	31 25 °C	

Wallahualam Bissawab
Sumber: Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG 15 FEBRUARI 2025

Komited dalam menyampaikan maklumat

ALHAMDULILAH, syukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala atas rahmat dan izin-Nya jua, Pelita Brunei meraikan Ulang Tahun Ke-69 sejak terbitan pertamanya pada 15 Februari 1956. Sepanjang 69 tahun diterbitkan, pelbagai perubahan dan peristiwa penting mewarnai Pelita Brunei namun begitu Pelita Brunei tetap relevan dalam menyampaikan maklumat kepada seluruh masyarakat di negara ini.

Penerbitan Pelita Brunei bertujuan untuk menyampaikan maklumat kepada orang ramai mengenai rancangan dan matlamat pembangunan negara, dasar-dasar kerajaan yang berkaitan dengan kehidupan rakyat sejagat, pengumuman - pengumuman penting serta apa juga perubahan yang berhubung kait dengan kepentingan negara dan orang ramai. Pelita Brunei juga dipertanggungjawabkan untuk memberi kefahaman yang betul mengenai rancangan kerajaan bagi mengelakkan prasangka dan rasa tidak puas hati terhadap kerajaan.

Meskipun berhadapan dengan cabaran teknologi yang berkembang pesat, Pelita Brunei masih mampu bertahan sehingga kini dan semua ini adalah atas dasar kerjasama serta muafakat dalam keluarga Pelita Brunei sehingga mampu berdiri megah hingga ke saat ini.

Selain mengekalkan penerbitan cetakan akhbar Pelita Brunei hingga kini, Pelita Brunei juga terus berkembang dengan kewujudan Pelita Brunei versi *online* atau dikenali dengan 'Pelita Brunei Online' sejajar dengan perkembangan pesat dunia ICT. Ia dihasratkan untuk memperluaskan jangkauan kepada pembaca luar negara dan juga dihasratkan untuk mengesankan lagi peranan dan fungsinya sebagai mata, lidah dan telinga kerajaan. Bukan saja menerusi laman sesawang, Pelita Brunei juga akan terus menjadi tumpuan dan pilihan pembaca dalam talian untuk memperoleh maklumat dan perkembangan terkini isu semasa termasuklah menggunakan platform media sosial untuk menyampaikan maklumat.

Tidak dapat dinafikan, kecanggihan teknologi masa kini memudahkan orang ramai untuk mendapatkan maklumat di hujung jari namun Pelita Brunei sebagai sebuah akhbar rasmi kerajaan tetap teguh menampilkan kredibiliti serta kecemerlangan dalam menyampaikan maklumat.

Bagi mencapai sasaran pembaca terutama para belia, terdapat ruang-ruang khusus untuk menarik minat sekali gus menyuntik semangat para belia untuk dijadikan contoh seperti ruang Belia Berwawasan, Trend, Industri Kotej, Lensa Pelajar dan juga Minda Pembaca. Bukan itu saja, beberapa pembaharuan turut dilaksanakan untuk memastikan mutu penerbitan Pelita Brunei lebih kreatif, kekal menarik dan terarah.

Selaras dengan perkembangan peredaran semasa, Pelita Brunei akan terus berusaha memberikan yang terbaik dalam menyampaikan maklumat rasmi kepada rakyat dan penduduk di negara ini. Tidak lupa diucapkan ribuan terima kasih kepada pembaca Pelita Brunei atas sokongan dan dukungan yang diberikan selama ini. - **Ketua Penyuntingan (Ad)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دتریتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتری دان دچیتق اوله قرینت قلس سنیدین برحد، نگاربرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

NBD-NEGERI SABAH KUKUHKAN KERJASAMA DUA HALA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap Yang di-Pertua Negeri Sabah, Tuan Yang Terutama Tun Dato Seri Paduka Datuk Seri Panglima (Dr.) Musa bin Haji Aman dan isteri, Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datin Seri Panglima Datuk Hajah Faridah binti Haji Tussin. Berangkat sama ke Majlis Mengadap berkenaan ialah paduka-paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia (atas kiri, atas kanan, bawah kiri dan kanan).



Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohammad Azmi Haji Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 13 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji

Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan

dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, hari ini berkenan menerima

mengadap Yang di-Pertua Negeri Sabah, Tuan Yang Terutama Tun Dato Seri Paduka Datuk Seri Panglima (Dr.) Musa bin Haji Aman dan isteri, Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datin Seri Panglima Datuk Hajah Faridah binti Haji Tussin sempena

kunjungan hormat Tuan Yang Terutama dan isteri.

Majlis Mengadap berkenaan berlangsung di Istana Nurul Iman.

>> Muka 4



PADA Majlis Mengadap berkenaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah berbincang mengenai usaha bagi mengukuhkan lagi kerjasama dua hala di antara Negara Brunei Darussalam dan Negeri Sabah dalam bidang-bidang berkepentingan bersama.



>> Muka 3

Pada Majlis Mengadap berkenaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah berbincang mengenai usaha bagi mengukuhkan lagi kerjasama dua hala di antara Negara Brunei

Darussalam (NBD) dan Negeri Sabah dalam bidang-bidang berkepentingan bersama.

Berangkat sama ke Majlis Mengadap berkenaan ialah paduka - paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Yang Teramat Mulia

Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatull Bolkiah.

Juga hadir ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha serta anakanda-anakanda baginda berangkat menghadiri Majlis Santap Tengah Hari bersama TYT Yang di-Pertua Negeri Sabah dan isteri (kiri), manakala gambar atas, baginda berbual mesra bersama TYT Yang di-Pertua Negeri Sabah.

Yussof, selaku Menteri Pengiring; dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof.

Selesai Majlis Mengadap berkenaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri kemudian berangkat menghadiri Majlis Santap Tengah Hari bersama TYT Yang di-Pertua Negeri Sabah

dan isteri.

Majlis Mengadap sempena kunjungan hormat TYT Tun Dato Seri Paduka Datuk Seri Panglima (Dr.) Musa berkenaan merupakan Lawatan Rasmi pertama TYT ke NBD sejak mengangkat sumpah sebagai Yang di-Pertua Negeri Sabah Ke-11 pada 1 Januari 2025.

Lawatan berkenaan setentunya mencerminkan hubungan rapat yang telah lama terjalin di antara NBD dan Negeri Sabah.

Yang di-Pertua Negeri Sabah tamatkan Lawatan Rasmi



Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BERAKAS, Khamis, 13 Februari. - Yang di-Pertua Negeri Sabah, Tuan Yang Terutama Tun Dato Seri Paduka Datuk Seri Panglima (Dr.) Musa bin Haji Aman dan isteri, Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datin Seri Panglima Datuk Hajah Faridah binti Haji Tussin serta rombongan berlepas meninggalkan negara petang tadi selepas mengadakan kunjungan hormat.

Berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat berlepas ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Menteri Pengiring dan isteri.

Juga hadir Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri

Haji Mohammad Haszaimi bin Bol Hassan dan isteri dan Pemangku Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei, DCP Dato Seri Pahlawan Awang Sulaiman bin Alidin dan isteri.



YANG di-Pertua Negeri Sabah, Tuan Yang Terutama Tun Dato Seri Paduka Datuk Seri Panglima (Dr.) Musa bin Haji Aman dan isteri, Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datin Seri Panglima Datuk Hajah Faridah binti Haji Tussin serta rombongan berlepas meninggalkan negara (kiri dan bawah).

Semasa Lawatan Rasmi ke negara ini, Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah berserta rombongan telah mengadakan kunjungan hormat Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam di Istana Nurul Iman.

Yang di-Pertua Negeri Sabah tiba bagi Lawatan Rasmi



MENGALU-alukan ketibaan Yang di-Pertua Negeri Sabah, Tuan Yang Terutama Tun Dato Seri Paduka Datuk Seri Panglima (Dr.) Musa bin Haji Aman di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei ialah Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II.

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BERAKAS, Khamis, 13 Februari. - Yang di-Pertua Negeri Sabah, Tuan Yang Terutama Tun Dato Seri Paduka Datuk Seri Panglima (Dr.) Musa bin Haji Aman dan isteri, Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datin Seri Panglima Datuk Hajah Faridah binti Haji Tussin serta rombongan tiba di negara ini pagi tadi bagi lawatan selama sehari.

Mengalu-alukan ketibaan Tuan Yang Terutama dan isteri di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Menteri Pengiring dan isteri.

Juga hadir mengalu-alukan rombongan ialah Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Mohammad Haszaimi bin Bol Hassan dan isteri dan Pemangku Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei, DCP Dato Seri Pahlawan Awang Sulaiman bin Alidin dan isteri.

Lawatan ini merupakan Lawatan Rasmi pertama Tuan Yang Terutama ke Negara Brunei Darussalam sejak mengangkat sumpah sebagai Yang di-Pertua Negeri Sabah Ke-11 pada 1 Januari 2025 lalu.

MEMPERTINGKATKAN AMAL IBADAT PADA MALAM NISFU SYAABAN



MUARA, Jumaat, 14 Februari. - Kementerian Pertahanan mengadakan Majlis Sambutan Nisfu Syaaban 1446 Hijrah secara serentak di kesemua surau di Kementerian Pertahanan dan perkhemahan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dengan tumpuan utama diadakan di Surau Al-Huda, Pangkalan Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB), semalam.

Hadir pada majlis berkenaan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato

Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Majlis berkenaan dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin sebanyak tiga kali yang dipimpin oleh Imam Tingkat IV, Awang Afiq Abdul Halim bin Haji Daniel Alexander Iskandar Zulkarnain.

Acara kemudian diteruskan lagi dengan bacaan Doa Khas Nisfu Syaaban 1446H dan diakhiri dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah yang dipimpin oleh Pekerja Tingkat Khas, Awangku Muhd. Yadiy bin Pengiran



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Nisfu Syaaban 1446 Hijrah di Surau Al-Huda, Pangkalan Tentera Laut Diraja Brunei (atas). Manakala gambar atas kiri, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

Surfiddin.

Majlis berkenaan bertujuan untuk menggalakkan warga Kementerian Pertahanan dan ABDB serta para jemputan yang hadir untuk mempertingkatkan amal ibadat, memohon keampunan dan keredaan daripada Allah Subhanahu Wata'ala pada malam Nisfu Syaaban, malam yang penuh dengan keberkatan dan keistimewaan.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

Turut hadir ialah Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan; Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif ABDB, bersama dengan peringkat kepimpinan serta kakitangan dan anggota Kementerian Pertahanan dan ABDB.

Turut dijemput bagi sama-sama memeriahkan majlis berkenaan ialah perwakilan dari Balai Polis Muara dan Polis Marin, Pasukan Polis Diraja Brunei, wakil dari Jabatan Bomba dan Penyelamat Muara, Pemangku Penghulu Mukim Serasa, dan guru-guru Sekolah Rendah TLDB.

Platform kerjasama ke arah pelaksanaan 17 SDG



YANG Berhormat Menteri Kesihatan ketika berucap pada Sidang Kemuncak Kerajaan Dunia 2025 (World Governments Summit 2025).

DUBAI, EMIRIAH ARAB BERSATU, Jumaat, 14 Februari. - Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar menghadiri Kohort Ketiga Majlis Global Mengenai Matlamat Pembangunan Mampan dan telah diberi penghormatan untuk menjadi Pengerusi Majlis Global yang memberi tumpuan kepada Matlamat Pembangunan Mampan 3 : Kesihatan dan Kesejahteraan yang Baik (Chairperson of the Global Council focusing on SDG 3 : Good Health and Well-Being) pada Sidang Kemuncak Kerajaan Dunia 2025 (World Governments Summit 2025) yang berlangsung pada 11 hingga 13 Februari 2025 di Dubai, Emiriah Arab Bersatu (UAE).

Majlis Global Mengenai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) berkenaan yang telah ditubuhkan pada 2018, bertujuan untuk menginspirasi tindakan di

seluruh dunia ke arah menggalakkan pelaksanaan SDG dengan memberikan platform kerjasama untuk menyelia projek inovatif dan membincangkan idea kreatif ke arah pelaksanaan 17 SDG di peringkat nasional dan global.

Di samping itu, ia juga memberi ruang bagi menganalisa, mengukur impak dan melaporkan kemajuan SDG setiap tahun yang diharapkan akan dapat mengukuhkan kerjasama global ke arah mencapai Agenda 2030 untuk Pembangunan Mampan (The 2030 Agenda For Sustainable Development), khususnya untuk membina semula dengan lebih baik sebagai tindak balas pasca pandemik COVID-19.

Beberapa pemimpin negara dan Perdana Menteri telah hadir semasa Sidang Kemuncak Kerajaan Dunia 2025 yang bertemakan 'Shaping Future Governments' termasuk Presiden Republik Colombia, Tuan Yang

Terutama Gustavo Petro Urrego; Presiden Seychelles, Tuan Yang Terutama Wavel Ramkalawan; Presiden Republik Poland, Tuan Yang Terutama Andrzej Duda; His Highness Sheikh Ahmad Abdullah Al-Ahmad Al-Sabah, Perdana Menteri Kuwait; dan Perdana Menteri Kurdistan, Tuan Yang Terutama Masrour Barzani.

Manakala Kohort Ketiga Majlis Global Mengenai SDG dihadiri oleh Menteri-menteri yang telah diundang untuk menjadi Pengerusi (Chairperson) bagi setiap 17 SDG termasuk Timbalan Perdana Menteri, Viet Nam, Tuan Yang Terutama Le Thanh Long; Menteri Perubahan Iklim, Alam Sekitar dan Tenaga, Maldives, Tuan Yang Terutama Thoriq Ibrahim; Menteri Penerangan, Komunikasi dan Teknologi, Eswatini, Yang Berhormat Savannah Maziya; M.P. Menteri Alam Sekitar dan Pengindahan Negara, Ekonomi Hijau dan Biru, Barbados, Yang Berhormat Hon. Adrian R. Forde; serta Menteri Negara bagi Pembangunan Kerajaan dan Masa Depan, UAE, Puan Yang Terutama, Ohood Khalfan Al Roumi, selaku Presiden Majlis Global Mengenai SDGs.

Kohort Ketiga Majlis Global Mengenai SDG berkenaan adalah salah satu acara yang dijadualkan dalam program SDGs in Action 2025 'Envisioning 2045 : Inclusive Pathways to Sustainable Development' semasa Sidang Kemuncak Kerajaan Dunia 2025 yang telah berlangsung selama tiga hari, dengan Yang Berhormat Menteri Kesihatan juga telah dijemput untuk menyertai beberapa acara lain termasuk sesi XDGs 2045 Ministerial Roundtable, SDGs in Action Forum dan Global Health Forum.

Semasa sesi XDGs 2045

■ **Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan**

Ministerial Roundtable, Yang Berhormat Menteri Kesihatan menyertai perbincangan mengenai masa depan selepas SDGs 2015 hingga 2030, termasuk meneroka strategi jangka panjang dan rangka kerja inovatif untuk membimbing agenda pembangunan mekanisme untuk meningkatkan kerjasama dalam kalangan kerajaan, sektor swasta, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan organisasi antarabangsa, dan mengenal pasti inovasi transformatif yang boleh memacu kemajuan ke arah XDGs 2045.

Sementara itu, semasa sesi SDGs in Action Forum, Yang Berhormat Menteri Kesihatan dijemput untuk menjadi ahli panel bagi forum 'Innovative Strategies for Universal Health Coverage and Reducing Health Inequalities' dengan perbincangan memfokuskan kepada meneroka strategi inovatif untuk mencapai liputan kesihatan sejagat (UHC) dan mengurangkan ketidaksamaan kesihatan.

Pada sesi berkenaan, Yang Berhormat Menteri Kesihatan mengetengahkan cabaran-cabaran yang dihadapi dalam penjagaan kesihatan ke arah liputan kesihatan sejagat yang mampan termasuk kapasiti sumber manusia, peningkatan kos penjagaan kesihatan, peningkatan penyakit-penyakit tidak berjangkit dengan penuaan penduduk, serta mengongsikan pengalaman mengenai *health digitisation* yang dilaksanakan di Negara Brunei Darussalam (NBD) termasuk penggunaan BruHealth dalam program saringan kebangsaan dalam usaha untuk mengukuhkan sistem kesihatan, memastikan

akses penjagaan kesihatan yang saksama dan membina daya tahan terhadap penjagaan kesihatan untuk masa hadapan.

Manakala, semasa Global Health Forum, Yang Berhormat Menteri Kesihatan diundang untuk menjadi ahli panel bagi forum 'From Vision to Reality' dengan perbincangan memfokuskan kepada sistem penjagaan kesihatan dalam era pasca COVID dan visi untuk masa depan penjagaan kesihatan.

Pada forum berkenaan, Yang Berhormat Menteri Kesihatan mengongsikan mengenai inisiatif-inisiatif dan pencapaian Kementerian Kesihatan NBD termasuk penggunaan Teknologi Kecerdasan (AI) dalam saringan *diabetic retinopathy* dan kanser payudara yang telah membantu menaik taraf dan meningkatkan akses perkhidmatan saringan.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan juga telah mengetengahkan potensi AI untuk membantu sistem kesihatan yang mempunyai cabaran tenaga kerja manusia dan untuk melihatnya sebagai *enabler* dan bukannya menggantikan manusia, dalam membangunkan sistem kesihatan yang berdaya tahan.

Semasa di UAE, Yang Berhormat Menteri Kesihatan juga berkesempatan untuk membuat perjumpaan dengan CEO of Dubai Health / Dubai Academic Health Corporation and President of Mohammed Bin Rashid University of Medicine and Health Sciences (MBRU), Dr. Amer Ahmad Sharif, bagi membincangkan peluang kerjasama dan kepentingan bersama dalam membangun sistem kesihatan nasional dan global.

NBD, UAE terokai usaha, cadangan, memperluaskan kerjasama

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perdana Menteri



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II mengadakan Mesyuarat Dua Hala bersama Menteri Hal Ehwal Kabinet, Jabatan Perdana Menteri, UAE, Tuan Yang Terutama Mohammad Abdullah Al Gergawi (atas dan atas kanan).

DUBAI, Jumaat, 14 Februari. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr.

Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah telah menghadiri World Governments Summit 2025 di Dubai, Emiriah Arab Bersatu (UAE).

Turut berangkat semasa Sidang Kemuncak tersebut ialah His Highness Sheikh Mohamed bin Zayed Al Nahyan, Presiden UAE merangkap Pemerintah Abu Dhabi dan His Highness Sheikh Mohammed bin Rashid Al Maktoum, Naib Presiden dan Perdana Menteri UAE merangkap Pemerintah Dubai.

Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II juga berkesempatan mengadakan Mesyuarat Dua Hala bersama Menteri Hal Ehwal Kabinet, Jabatan Perdana Menteri, UAE, Tuan Yang Terutama Mohammad Abdullah Al Gergawi.

Mesyuarat tersebut telah membincangkan perkembangan dalam kerjasama bersama pihak UAE melalui Memorandum Persefahaman (MoU) dalam pertukaran pengalaman bagi pembangunan dan pemodenan kerajaan serta meneroka usaha kerjasama dan cadangan penglibatan pada masa hadapan bagi memperluaskan kerjasama di antara kedua-dua buah negara.

Semasa Sidang Kemuncak berkenaan, seramai 28 Pegawai Kanan Kerajaan Negara Brunei Darussalam telah menghadiri Majlis Pengijazahan Program Kepimpinan Eksekutif pada 10 Februari 2025. Program ini ialah hasil MoU berkenaan yang



dijalankan di bawah Program Pertukaran Pengalaman Kerajaan (GEEP) dengan kerjasama Pejabat Pertukaran Pengalaman Kerajaan (GEEQ), UAE.

World Governments Summit telah berlangsung pada 11 hingga 13 Februari 2025 di Dubai dengan membawa tema 'Shaping Future Governments'. Sidang Kemuncak ini merupakan platform utama untuk memupuk kerjasama antarabangsa dalam membantu negara-negara yang terlibat untuk mengenal pasti penyelesaian inovatif kepada cabaran-cabaran

masa hadapan.

Sidang Kemuncak tersebut telah menghimpunkan pemimpin kerajaan, organisasi antarabangsa dan pemimpin sektor swasta dengan tumpuan kepada enam tema utama : Effective Governance and Accountability; Financing the Future and the Global Economy; Climate, Crisis Mitigation, and Resilient Cities; Human-Centric Futures and Capacity Building; Global Health Transformations; and Emerging Frontiers and the Future.

PERISTIWA ISRAK, MIKRAJ DAPAT DITERAPKAN DALAM KEHIDUPAN SEHARIAN



YANG Berhormat Menteri Pembangunan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Israk dan Mikraj bagi Tahun 1446 Hijrah bersamaan 2025 Masihi (atas dan atas kanan). Manakala gambar bawah kanan, Ceramah Khas disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Haji Awang Muhammad Najib bin Haji Awang.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 13 Februari. - Dalam menyemarakkan lagi Sambutan Israk dan Mikraj, Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya mengadakan Majlis Sambutan Israk dan Mikraj bagi Tahun 1446 Hijrah bersamaan 2025 Masihi bertempat di Dewan Betabur, Kementerian Pembangunan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Setiausaha

Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Dayang Dr. Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak; Timbalan Setiausaha Tetap (Industri Pembinaan dan Kemajuan), Sr. Dayang Hajah Norhayati binti Haji Mohd. Yaakub; Timbalan Setiausaha Tetap (Korporat dan Undang-Undang), Dayang Aldila binti Haji Mohamad Salleh; Timbalan Setiausaha Tetap (Infrastruktur, Perumahan dan Profesional), Awang Haji Shahrudin Khairul bin Haji Anuar; Ketua Pengarah Kerja Raya, Pesuruhjaya-pesuruhjaya,

pengarah dan kakitangan dari Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan Ceramah Khas yang bertajuk 'Makna di Sebalik Israk dan Mikraj Dalam Kehidupan Sehari-hari' yang disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Haji Awang Muhammad Najib bin Haji Awang.

Ceramah antara lain menekankan mengenai 'Ibrah' dan pelajaran serta inspirasi daripada peristiwa Israk dan



■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pembangunan

Mikraj yang dapat diterapkan dalam kehidupan sehari-hari seperti kepentingan untuk bertaubat, sentiasa merasakan syukur dalam diri dan menyedari bahawa rahmat Allah Subhanahu Wata'ala itu sangat luas.

Isi ceramah juga mengingatkan mengenai perlunya untuk perbanyakkan ibadah pada hari Nisfu Syaaban serta untuk persiapan diri dalam menghadapi bulan Ramadan yang tidak lama lagi akan menjelang.

Majlis berkenaan merupakan salah satu aktiviti tahunan keagamaan Kementerian Pembangunan yang bertujuan untuk memperingati dan membesarkan sambutan

peristiwa Israk dan Mikraj. Majlis pada tahun ini diselenggarakan oleh Jabatan Tanah.



PELAYARAN MENELUSURI SUNGAI TEROKAI EKOPELANCONGAN BRUNEI



PELANCARAN rasmi pelayaran tersebut disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 13 Februari. - Sebagai sebahagian daripada inisiatif berterusan untuk meningkatkan dan mempelbagaikan tawaran pelancongan Negara Brunei Darussalam, Jabatan Kemajuan Pelancongan (JKP), di bawah Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), hari ini melancarkan dua pelayaran sungai yang baharu yang dinaik taraf iaitu Pelayaran Warisan Sungai Brunei (Brunei River Heritage Cruise) dan Pelayaran Safari Sungai Brunei (Brunei Safari River Cruise).

Pelancaran rasmi pelayaran tersebut disempurnakan oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap KSSUP, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi dan Duta-duta Besar, serta wakil-wakil daripada pelbagai agensi kerajaan, yang juga merupakan Ahli-ahli Jawatankuasa Kumpulan Kerja Peningkatan

Eko-Pelancongan (JKPP).

Lebih 80 orang menghadiri acara berkenaan, termasuk ejen-ejen pelancongan dan wakil-wakil media, bertujuan untuk mempromosikan pelayaran sungai yang baharu ini, memaklumkan kepada orang ramai dan menarik minat pelancong tempatan dan antarabangsa.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pemangku Pengarah JKP.

Acara diteruskan dengan pelancaran rasmi kedua-dua pelayaran sungai tersebut, menandakan satu pencapaian penting dalam usaha Brunei untuk mempertingkatkan lagi sektor ekopelancongannya.

Majlis diselenggarakan dengan pembukaan papan tanda jeti sungai yang baru dibina yang diletakkan secara strategik di sepanjang Sungai Brunei dan Sungai Kedayan. Papan tanda ini adalah hasil kerjasama antara JKP dan JKPP, direka untuk memberikan panduan yang berharga kepada pelawat dan penduduk tempatan, menawarkan maklumat tentang kesalinghubungan sungai dan tempat-tempat menarik di sepanjang laluan.

Selepas pelancaran, Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bersama-sama menaiki pelayaran sungai yang

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Hernie Suliana Haji Othman

baru diperkenalkan dan merasai sendiri penaiktarafan yang dilaksanakan.

Pelayaran Warisan Sungai Brunei kini menawarkan perjalanan yang lebih mendalam melalui warisan Brunei yang kaya, menggabungkan tapak bersejarah tambahan seperti Pulau Chermin, Pulau Keingaran dan Makam Di Luba.

Sementara itu, Pelayaran Safari Sungai Brunei menawarkan peluang unik untuk menerokai biodiversiti Brunei yang

menakjubkan, menampilkan laluan baharu yang menarik di sepanjang Sungai Kedayan.

Pengalaman ini menyerlahkan kepentingan memelihara ekosistem semula jadi negara dan menjadi peringatan tentang dedikasi negara terhadap pemuliharaan alam sekitar.

Untuk maklumat lanjut mengenai aktiviti dan tawaran pelancongan Brunei, layari laman sesawang rasmi di www.bruneitourism.com atau [@info.bruneitourism](mailto:info@bruneitourism.com) di Instagram.



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bersama-sama menaiki pelayaran sungai yang baru diperkenalkan dan merasai sendiri penaiktarafan yang dilaksanakan.

Platform teroka peluang baharu dalam dunia perniagaan

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 12 Februari. - Mega Fiesta Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) bukan sekadar satu karnival biasa tetapi ia adalah satu platform yang memberi peluang kepada para siswa siswi KUPU SB dan masyarakat untuk meneroka bakat, mempamerkan kreativiti serta memperkukuhkan hubungan silaturahim dalam suasana yang penuh keseronokan dan bermanfaat.

Mahasiswa - mahasiswi KUPU SB tidak dinafikan sememangnya termasuk dalam golongan belia yang memainkan peranan penting dalam mencorak masa depan negara dan menjadi komponen kritikal dalam usaha pembangunan negara.

Maka sebagai generasi pelapis, mereka bukan sahaja perlu memiliki ilmu pengetahuan akademik yang mantap tetapi juga seimbang dengan kemahiran - kemahiran yang relevan dalam menghadapi cabaran dunia serba moden ini.

Pengarah Pusat Ilmu Teras KUPU SB, Awang Haji Md. Syahiran bin Haji Md. Sofian selaku Pengerusi Jawatankuasa Kerja Mega Fiesta KUPU SB 2025 berucap dalam alu-aluannya pada acara yang berlangsung di KUPU SB, hari ini. Menurut Awang Haji Md. Syahiran, dalam dunia perniagaan, sememangnya kita tidak boleh lari daripada berdepan dengan pelbagai cabaran.

"Setiap perniagaan pasti mempunyai elemen positif yang

menjadi pemangkin kejayaan seperti inovasi, kejujuran dan strategi pemasaran yang berkesan, di mana inovasi membantu perniagaan menyesuaikan diri dengan perubahan pasaran, kejujuran membina kepercayaan pelanggan dan strategi pemasaran yang baik akan meningkatkan jualan," ujarnya.

Namun dalam masa yang sama, tegasnya, terdapat juga elemen negatif yang boleh menjadi penghalang, seperti persaingan tidak sihat, ketidaktelusan dan pengurusan kewangan yang lemah boleh mengancam kelangsungan perniagaan, menyebabkan kehilangan kepercayaan serta kerugian besar.

Oleh itu, Awang Haji Md. Syahiran seterusnya menekankan, adalah penting bagi seorang usahawan itu untuk mengenal pasti dan mengurus kedua-dua aspek ini dengan baik.

"Justeru, saya menyeru kepada semua mahasiswa dan mahasiswi agar mengambil peluang keemasan ini untuk menimba ilmu dan pengalaman serta membina keyakinan dan juga mengembangkan potensi diri. Jangan takut untuk mencuba dan jangan mudah berputus asa dalam menempuh cabaran dunia keusahawanan yang pasti mengandungi untung dan rugi.

"Selain itu, mudah-mudahan melalui penganjuran acara seperti Mega Fiesta ini dapat memperkasakan KUPU SB sebagai sebuah institusi ilmu yang bukan sahaja unggul dalam

pendidikan Islam, tetapi juga sebagai pusat kecemerlangan yang melahirkan individu yang dinamik, berdaya saing, berjiwa keusahawanan dan berwawasan, di mana para siswa dan siswinya bersedia untuk menghadapi cabaran dunia sebenar dengan penuh keyakinan dan keazaman," tambahnya lagi.

Perasmian acara yang buat julung kalinya diadakan itu disempurnakan oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Turut hadir, Ra'es KUPU SB, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani; pegawai-pegawai eksekutif, pegawai - pegawai utama, pensyarah, pegawai dan kakitangan serta mahasiswa-mahasiswi KUPU SB.

Objektif utama acara Mega Fiesta KUPU SB 2025 yang diadakan selama dua hari itu adalah sebagai platform serta memberi peluang kepada mahasiswa, mahasiswi dan Alumni KUPU SB mahupun pengusaha - pengusaha yang terlibat untuk mempamerkan produk-produk mereka di samping meneroka peluang baharu dalam dunia perniagaan.

Seiring dengan aspirasi negara dalam melahirkan belia yang berdikari serta berdaya saing di peringkat global, program ini diharapkan dapat menyemarakkan lagi budaya keusahawanan dalam kalangan generasi muda.

Pelbagai aktiviti menarik menanti sepanjang Mega Fiesta selama dua hari ini. Antaranya, bazar dan gerai - gerai keusahawanan yang akan



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan hadir pada perasmian Mega Fiesta Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.

melibatkan sejumlah lebih 40 pengusaha, terdiri daripada para pelajar, alumni, warga KUPU SB mahupun pengusaha luar, yang meliputi jualan makanan, minuman, barangan, pakaian, perkhidmatan dan aktiviti permainan.

Selain itu, aktiviti-aktiviti lain yang akan mengambil tempat seperti Sesi Taklimat Kerjaya, Sesi Kongsi Sama Usahawan Berjaya, Program Peningkatan Kompetensi, Persembahan Sketsa dan juga Pameran Kokurikulum yang akan melibatkan pasukan - pasukan beruniform KUPU SB seperti Kadet Tentera, Kadet Polis, Kadet Bomba dan Penyelamat, Pasukan Pengakap Kelana, Pasukan Pandu Puteri dan Pasukan Bulan Sabit

Merah.

Aktiviti menarik pada acara kali ini juga diadakan adalah Studi@KUPU SB di mana ia akan memberi peluang kepada para pelajar yang berminat untuk melanjutkan pengajian di KUPU SB, mendapatkan info dan keterangan kursus-kursus atau program-program pengajian, di mana KUPU SB menawarkan program pengajian dari peringkat prasiswazah hingga ke peringkat pasca siswazah.

Orang ramai dialu-alukan berkunjung dan memeriahkan lagi Mega Fiesta selama dua hari yang dibukakan bermula seawal pukul 8.00 pagi hingga 6.00 petang, bertempat di Kampus KUPU SB.

Majlis Pengagihan Bendera Kecil Meja dan Program Semarak Pengibaran Bendera sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-41, Tahun 2025



YANG Berhormat Menteri Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat menyempurnakan pengagihan bendera kecil meja kepada penerima.

TUTONG, Khamis, 13 Februari. - Bendera merupakan lambang, simbol rasmi dan identiti kepada kewujudan dan kedaulatan sesebuah bangsa dan negara yang patut dimuliakan, dijaga juga dipelihara dengan baik oleh rakyat, warga dan masyarakat di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Sehubungan itu, Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Kokurikulum dan Jabatan Pendidikan Swasta dengan kerjasama Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Uagama dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) mengadakan Majlis Pengagihan Bendera Kecil Meja dan Program Semarak Pengibaran

Bendera bagi Sekolah Rendah, Sekolah Menengah dan Institusi Pengajian Tinggi sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) NBD Ke-41, Tahun 2025.

Bagi di Daerah Tutong, tumpuan utama bagi majlis berkenaan mengambil tempat di Sekolah Menengah Sufri Bolkiah.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Terdahulu, Pengetua Sekolah Menengah Sufri Bolkiah, Dayang Krestina binti Haji Daud dalam ucapannya menyatakan bahawa sebagai sebuah institusi

pendidikan, Sekolah Menengah Sufri Bolkiah, Tutong berperanan dalam membentuk generasi masa hadapan yang bukan sahaja cemerlang dalam akademik tetapi juga memiliki sahsiah yang tinggi serta cinta akan negara.

Dalam usaha ini tambahnya, pihak sekolah sentiasa menanamkan nilai - nilai murni seperti kesopanan, hormat-menghormati, kejujuran, disiplin, dan tanggungjawab dalam diri para pelajar.

"Kita semua sedar bahawa masa depan NBD terletak di tangan generasi muda hari ini.

"Oleh itu, pelajar-pelajar sekalian, jadikanlah bendera yang kalian terima hari ini sebagai peringatan bahawa kalian mempunyai tanggungjawab besar untuk mempertahankan keamanan dan kemakmuran negara ini. Jadikanlah ia sebagai simbol bahawa setiap tindakan dan usaha yang pelajar-pelajar lakukan hari ini akan mencorakkan masa depan tanah air kita," ujarnya.

Dayang Krestina seterusnya menekankan kepentingan ilmu pengetahuan, disiplin dan jati diri dalam membentuk masyarakat yang maju dan berdaya saing adalah seiring dengan visi Wawasan Brunei 2035.

Menurutnya, kita perlu bertanggungjawab dalam melahirkan generasi yang berpendidikan tinggi, berkemahiran dan berakhlak mulia.

Oleh itu jelasnya lagi, majlis berkenaan adalah satu simbol yang mengingatkan kita tentang

Sekolah Menengah Sufri Bolkiah



ANTARA pelajar yang hadir pada majlis yang diadakan di Sekolah Menengah Sufri Bolkiah.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Hernie Sulaina Haji Othman

pentingnya perpaduan, kesetiaan, dan cinta akan tanah air.

Juga hadir, Setiausaha Tetap KKBS; Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri dan juga pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Setelah itu, Majlis Pengagihan Bendera Kecil Meja kepada peserta-peserta yang terdiri daripada guru dan pelajar yang akan menyertai Sambutan Ulang

Tahun HK NBD Ke-41 yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Sejurus itu, acara disemarakkan lagi dengan Persembahan Koir daripada pelajar-pelajar Sekolah Menengah Sufri Bolkiah.

Pada akhir acara, tetamu kehormat majlis bersama para jemputan khas yang lain turut mengadakan lawatan ke bilik-bilik darjah di sekolah berkenaan.

Universiti Islam Sultan Sharif Ali

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pengagihan Bendera Kecil Meja dan Program Semarak Pengibaran Bendera di Universiti Islam Sultan Sharif Ali (atas dan atas kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 13 Februari. - Majlis Pengagihan Bendera Kecil Meja dan Program Semarak Pengibaran Bendera bagi Sekolah Rendah, Sekolah Menengah dan Institusi Pengajian Tinggi sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (HK NBD) Ke-41, Tahun 2025 diadakan serentak di keempat-empat daerah hari ini.

Di Daerah Brunei dan Muara, majlis berkenaan juga diadakan bertempat di Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad.

Bendera kecil meja ini telah diagihkan kepada para peserta, terdiri daripada guru dan

pelajar yang akan menyertai Sambutan Hari Kebangsaan NBD Ke-41, Tahun 2025.

Majlis ini diadakan oleh Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Kokurikulum dan Jabatan Pendidikan Swasta dengan kerjasama Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Uagama (KHEU) dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Selamatkan Usus Awda.

Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn



*Sasaran pemeriksaan: Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

كمترون كسحكن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA
Sambutan Ulang Tahun

Majlis Pengagihan Bendera Kecil Meja dan Program Semarak Pengibaran Bendera sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-41, Tahun 2025

Sekolah Rendah Puni

Oleh: Khartini Hamir
Foto: Mohammad Hasif Matzin

TEMBURONG, Khamis, 13 Februari. - Dalam usaha menanam semangat patriotik, cinta kepada bendera dan negara sempena menjelang Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-41 Tahun 2025, Majlis Pengagihan Bendera Kecil Meja dan Program Semarak Pengibaran Bendera bagi Sekolah Rendah, Sekolah Menengah dan Institusi Pengajian Tinggi diadakan secara serentak di keempat-empat daerah.

Bagi Daerah Temburong, tumpuan utama diadakan di Dewan Sekolah Rendah Puni, yang dihadiri oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, juga selaku Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau.

Acara dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' beramai-ramai, diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dibacakan oleh Ampuan Mohamad Zaki bin Ampuan Haji Ahmad dan seterusnya ucapan alu-aluan dari Guru Besar Sekolah Rendah Puni, Dayang Sinorsimah binti Haji Ibrahim.

Dalam memeriahkan lagi acara, majlis turut diserikan dengan beberapa Persembahan Koir 'Brunei Bumi Bertuah' dan

YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara hadir pada Majlis Pengagihan Bendera Kecil Meja dan Program Semarak Pengibaran Bendera bagi Sekolah Rendah, Sekolah Menengah dan Institusi Pengajian Tinggi di Dewan Sekolah Rendah Puni.

'Berkibarlah Bendera' yang dipersembahkan oleh murid-murid Tahun 4, 5 dan 6 sekolah berkenaan.

Majlis kemudian diteruskan dengan pengagihan bendera yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis, di mana sebanyak 100 bendera telah diagih-agihkan kepada wakil guru dan pelajar.

Sejurus itu, tetamu kehormat dan para jemputan khas beredar bagi mengadakan lawatan ke kelas-kelas dan berkunjung ke bilik pameran yang telah disediakan.

'BERKIBARLAH Bendera' yang dipersembahkan oleh murid-murid Tahun 4, 5 dan 6 sekolah berkenaan.



Sekolah Menengah Chung Hua

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



BELAIT, Khamis, 13 Februari. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Kokurikulum dan Jabatan Pendidikan Swasta dengan kerjasama Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) mengadakan Majlis Pengagihan Bendera Kecil Meja dan Program Semarak Pengibaran Bendera bagi Sekolah Rendah, Sekolah Menengah dan Institusi Pengajian Tinggi sempena

YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pengagihan Bendera Kecil Meja dan Program Semarak Pengibaran Bendera bagi Sekolah Rendah, Sekolah Menengah dan Institusi Pengajian Tinggi di Sekolah Menengah Chung Hua (atas kiri dan atas kanan).

Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-41, Tahun 2025.

Majlis berkenaan diadakan secara serentak di keempat-empat buah daerah.

Bendera kecil meja berkenaan diagih-agihkan kepada para peserta terdiri daripada guru dan pelajar yang akan menyertai Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-41, Tahun 2025.

Bagi Daerah Belait, majlis

berkenaan diadakan di Sekolah Menengah Chung Hua, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, yang juga selaku Penghulu Mukim Bukit Sawat, Daerah Belait dan seterusnya menyempurnakan penyerahan bendera kepada guru dan para pelajar sekolah berkenaan.



ANTARA pelajar yang menyertai persembahan.

86 REKRUT TAMATKAN LATIHAN ASAS KEPOLISAN



PEMANGKU Setiausaha Tetap (Sekuriti dan Undang-Undang) di Jabatan Perdana Menteri hadir selaku tetamu kehormat pada Upacara Perbarisan Tamat Latihan (kiri), manakala gambar atas, tetamu kehormat menyampaikan hadiah kepada penerima.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

GADONG, Khamis, 13 Februari. - Seramai 86 Pelatih Rekrut Polis Konstabel Lelaki dan Wanita Skuad 1/2023 yang telah menjalani latihan asas kepolisan selama lapan bulan dan 13 hari, diraikan pada Upacara Perbarisan Tamat Latihan yang berlangsung di Padang Kawad Besar Pusat Latihan Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB).

Hadir selaku tetamu kehormat, Pemangku Setiausaha Tetap (Sekuriti dan Undang-Undang) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Zulhusam bin Haji Abdul Samad.

Turut hadir, Pemangku Pesuruhjaya Polis, DCP Dato Seri Pahlawan Awang Sulaiman bin Alidin; Pemangku Timbalan Pesuruhjaya Polis, Yang Amat Mulia SAC Pengiran Anak Haji Mohammad Saifullah bin Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris; para pengarah dan timbalan pengarah; ketua-ketua formasi, pegawai-pegawai pemerintah daerah polis, pegawai-pegawai kanan serta ahli-ahli keluarga para pelatih

rekrut yang diraikan.

Majlis dimulakan dengan pemeriksaan barisan oleh tetamu kehormat.

Dalam ucapannya, tetamu kehormat antara lain menjelaskan bahawa hari ini menandakan bermula bab baharu dalam kehidupan para pelatih yang akan memulakan alam pekerjaan sebagai anggota kepada sebuah organisasi penguatkuasaan yang utama di negara ini.

"Menjadi seorang anggota pasukan polis, janganlah hendaknya dipandang sebagai sekadar sebuah pekerjaan sahaja.

"Ia lebih daripada itu. Ia adalah satu amanah yang besar dan tanggungjawab yang berat," ujarnya.

Pasukan polis, katanya, bukanlah hanya sekadar menangani jenayah dan penjenayah tetapi juga bertindak sebagai pelindung kepada masyarakat, menjaga keamanan dan keselamatan negara; dan penagak keadilan tanpa mengira bangsa, agama, jantina dan warna kulit.

"Trend jenayah yang semakin berubah seiring dengan kemajuan dan kepesatan teknologi serta peredaran zaman pasti akan banyak memberi cabaran.

"Ianya akan menguji keupayaan serta pengetahuan setiap anggota dan pegawai pasukan polis.

"Oleh itu jalankanlah tugas dengan profesional serta disiplin yang tinggi dan praktikkanlah apa yang telah diajar selama ini.

"Jadilah contoh serta teladan kepada masyarakat umum, berpegang teguh dengan nilai-nilai teras pasukan polis iaitu neutral, beretika, berintegriti, mempunyai akauntabiliti, hormat-menghormati dan sentiasa menjunjung penuh konsep Melayu Islam Beraja," katanya.

Beliau berkata, nilai-nilai ini bukan sahaja menjadi panduan dan pedoman dalam melaksanakan tugas malah ia turut mencerminkan kualiti dan profesionalisme pasukan polis.

"Elakkan daripada terlibat dengan sebarang bentuk rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa kerana ia bukan saja akan mencemarkan nama baik diri sendiri tetapi juga nama baik dan reputasi PPDB," katanya.

Beliau turut menyeru pihak kepimpinan PPDB untuk terus membimbing dan memimpin anggota-anggota pasukan polis untuk sentiasa memegang teguh integriti dan etika yang telus dan amanah.

Ini, jelas beliau, sejajar dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Upacara Istiadat Penganugerahan Bendera Panji-panji Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 18 Januari 2025 yang lalu.

"Baginda menyeru agar semua pegawai dan anggota pasukan polis untuk sentiasa mengukuhkan etika kerja yang baik, berdisiplin, berintegriti dan profesional dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan.

"Disiplin yang kukuh bukan saja membentuk keperibadian pegawai dan anggota pasukan polis yang cemerlang, tetapi juga menjadi benteng pertahanan pada cabaran moral dan etika," katanya.

Tetamu kehormat seterusnya

dijemput oleh Komandan Pusat Latihan Poli, Penguasa Kanan Polis Haji Mohamad Noor bin Haji Abdul Rahman untuk menyampaikan hadiah kepada Pelatih Rekrut Terbaik Latihan Luar, 7113 Mohammad Iqbal bin Noor dan Pelatih Terbaik Dalam Akademik, 7154 Aine Shahirah binti Zaini.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Imam Surau Ibu Pejabat Polis Gadong, L/Kpl 6569 Muhammad Zulhairi bin Omarali.

Kemuncak majlis tersebut diteruskan dengan perbarisan berjalan lalu dalam masa perlahan dan cepat serta mara ke hadapan untuk diperhati semula.

Selesai perbarisan, tetamu kehormat diperkenalkan kepada pelatih-pelatih rekrut yang berjaya menamatkan latihan serta bergambar ramai bersama para bekas rekrut yang diraikan di Dewan Serbaguna Pusat Latihan Polis.

Seluruh warga PPDB mengucapkan tahniah dan selamat datang kepada anggota baharu.

Semoga mereka menjalankan tugas dengan penuh amanah, dedikasi dan kesetiaan kepada raja, agama dan negara.

Majlis Pengagihan Bendera Kecil Meja dan Program Semarak Pengibaratan Bendera sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-41, Tahun 2025

Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Oleh : Aimi Sani
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 13 Februari. - Untuk menyemai rasa kecintaan dan semangat patriotisme dalam kalangan warga sekolah terutama para pelajar bersempena

Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-41, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Pengagihan Islam (JPI) pagi tadi mengadakan

Majlis Pengagihan Bendera Kecil Meja dan Program Semarak Pengibaratan Bendera bertempat di Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SASHHB), Kampung Rimba.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar.

Acara dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar, Surah Al-Fatihah dan doa. Diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pengetua SASHHB, Awang Haji Norhisyam bin Haji Mohd. Noor.

Majlis seterusnya menyaksikan perarakan masuk pembawa-pembawa bendera, nyanyian Lagu Kebangsaan NBD dan seterusnya, acara pengagihan bendera kecil meja kepada para pelajar.

Acara pengagihan bendera berkenaan merupakan inisiatif dalam menyemai rasa kasih terhadap raja, agama, bangsa dan negara di samping untuk mengukuhkan semangat perpaduan, patriotik dan



PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan (atas dan atas kiri).

kenegaraan yang tinggi dalam diri para pelajar melalui cintakan raja, bendera NBD serta Lagu

Kebangsaan. Turut hadir ialah para pegawai kanan dari JPI, KHEU.

MEMASTIKAN TAHAP KESELAMATAN SEKTOR PENGANGKUTAN, SIBER TERJAMIN

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BERAKAS, Khamis, 13 Februari. - Antara peranan utama dan menjadi tanggungjawab Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) adalah untuk memastikan tahap keselamatan sektor pengangkutan dan juga alam siber di negara ini adalah terjamin dan selamat.

Ini sememangnya selaras dengan Strategik Objektif 3 di bawah Pelan Strategik 2025 Kementerian iaitu 'Piawai Keselamatan dan Sekuriti dalam Sektor-sektor Pengangkutan dan Infokomunikasi' bagi meningkatkan kesejahteraan orang ramai melalui penyediaan perkhidmatan yang cekap, teratur dan selamat serta memanfaatkan penggunaan teknologi dengan sebaiknya.

Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha menggariskan perkara tersebut semasa Sesi Perjumpaan Muhibah di antara MTIC, Jabatan-jabatan serta Agensi-agensi Pihak Berkuasa di bawahnya bersama dengan Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN)

bagi Tahun 2025 bertempat di Dewan Amar Pahlawan, Bangunan MTIC, di sini.

Dari sektor pengangkutan jelas Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, usaha-usaha dan juga inisiatif-inisiatif telah dilaksanakan oleh Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) bagi terus memastikan keselamatan di jalan raya adalah terjamin. Salah satu usaha utama adalah pelaksanaan 'Brunei International Road Audit Assessment' (BruRAP2).

Di bawah sektor pengangkutan laut pula jelas Yang Berhormat, Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Negara Brunei Darussalam (MPABD) selaku Pihak Berkuasa yang bertanggungjawab ke atas hal ehwal keselamatan navigasi maritim, telah menubuhkan Maritime Emergency Response Centre (MERC) dengan mewujudkan talian kecemasan (Hotline) 16661 yang telah dilancarkan semasa Minggu Maritim Brunei Darussalam pada 19 November 2024.

Talian kecemasan itu tambah

Yang Berhormat, adalah merupakan inisiatif bagi memudahkan laporan kecemasan melibatkan sebarang kejadian di perairan Negara Brunei Darussalam (NBD) yang direka secara *centralized*, berfungsi menangani keperluan kritikal dan sebagai mekanisme penyelarasan bagi tindak balas kecemasan maritim.

Dalam sektor pengangkutan udara pula menurut Yang Berhormat, beberapa projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN) telah giat dilaksanakan bagi mempertingkatkan lagi keselamatan operasi lapangan terbang dan memastikan operasi penerbangan tidak terjejas antaranya projek bertajuk 'Single Lamp Outdoor System (SLOS) for Airfield Ground Lightings at Brunei International Airport'; projek 'Advanced Lightning Protection System' (ALPS); dan projek bertajuk 'Primary Surveillance Radar (PSR) co-mounted with Mode-S Monopulse Secondary Surveillance Radar' (MSSR).

Menyentuh mengenai teknologi kecerdasan buatan (Artificial Intelligence - AI), Yang Berhormat berkata, NBD tidak terkecuali memberikan tumpuan penuh

kepada pembangunan teknologi AI.

Tambah Yang Berhormat lagi, tidak dapat dinafikan bahawa penggunaan AI adalah pemangkin utama kepada transformasi digital dan telah menarik perhatian orang ramai. Seiring dengan manfaat yang boleh diperoleh dari kemajuan AI, cabaran-cabaran yang muncul dari segi mengadaptasi teknologi ini dan juga penggunaannya perlu ditangani dengan sewajarnya seperti jenayah *scammer*, *deepfake* dan sebagainya.

Selain itu, pertumbuhan pesat teknologi AI memerlukan penyediaan rangka kerja kawal selia yang teratur bagi memastikan isu-isu etika penggunaannya.

Ke arah itu ujar Yang Berhormat, MTIC melalui Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-komunikasi (AITI) telah pun menubuhkan Kumpulan Kerja Urustadbir dan Etika Kecerdasan Buatan (Working Group on AI Governance and Ethics) pada bulan Mei 2024, dan menghasilkan satu dokumen Garispanduan Urustadbir dan Etika Kecerdasan Buatan bagi Negara Brunei Darussalam atau 'Guide on Artificial Intelligence Governance and Ethics for Brunei Darussalam'.



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi semasa berucap.

Menyentuh mengenai isu-isu keselamatan, Yang Berhormat menekankan, kepentingan Keselamatan Siber terhadap setiap individu juga turut diberikan keutamaan Kementerian ini.

Kemajuan pesat teknologi serta penggunaannya jelas Yang Berhormat, bukan hanya banyak memberikan manfaat tetapi juga membuka ruang baharu untuk ancaman dan serangan siber terhadap perlindungan data, privasi dan keperluan keselamatan setiap orang khususnya di NBD.

3PSA jana impak positif terhadap prestasi, kualiti perkhidmatan

BERAKAS, Khamis, 13 Februari. - Kecemerlangan Perkhidmatan (Service Excellence) merupakan aspek utama kedua Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) termasuk Program Pengredan Prestasi Sektor Awam (3PSA) yang berpandukan kepada program di bawah Jabatan Perkhidmatan Pengurusan (MSD).

Program berkenaan telah pun dijalankan dengan tujuan untuk mengukur tahap prestasi jabatan-jabatan di bawah kementerian ini yang mana membolehkan pengiktirafan atau penghargaan (melalui penarafan bintang) kepada jabatan-jabatan yang jelas telah berusaha dan berjaya melaksanakan tadbir urus yang terbaik.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha pada Sesi

Perjumpaan Muhibah di antara MTIC, Jabatan-jabatan serta Agensi-agensi Pihak Berkuasa di bawahnya bersama dengan Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 2025 bertempat di Dewan Amar Pahlawan, Bangunan MTIC, di sini.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi berkata, melalui program ini, insyaaAllah, akan menjana impak yang positif ke atas Jabatan-jabatan di bawah MTIC terhadap prestasi, produktiviti dan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai.

Sementara itu, mengenai Sistem Pengangkutan Awam di negara ini pula, Yang Berhormat menekankan bahawa ia sememangnya memerlukan perhatian dan tindakan segera.

Pihak MTIC dan Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) jelas Yang Berhormat, telah

mempergiatkan usaha untuk melaksanakan projek berkenaan dan kini dalam status 'Request for Proposal' (RFP) untuk menyediakan, mengendali, mengurus dan menyelenggara perkhidmatan pengangkutan awam di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Dengan tumpuan yang diperbaharui pada pelaksanaannya, MTIC ujar Yang Berhormat telah mengenal pasti tiga bidang keutamaan iaitu meningkatkan ketersambungan dan kebolehpercayaan laluan bas utama, memperluaskan dan menambahbaikkan liputan teksi atas permintaan (e-Hailing) dan memanfaatkan teknologi melalui Sistem Pengurusan Pengangkutan Pintar.

Inisiatif ini jelasnya, menyokong visi MTIC tentang sistem mobiliti awam tiga peringkat (*three-tier public mobility system*), yang terdiri daripada rangkaian bas utama



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi semasa berucap dan hadir pada Sesi Perjumpaan Muhibah di antara Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Jabatan-jabatan serta Agensi-agensi Pihak Berkuasa di bawahnya bersama dengan Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara bagi Tahun 2025 (atas dan bawah kiri).

teras, perkhidmatan pengangkutan bersama dalam lingkungan yang ditetapkan kawasan, dan pilihan teks e-hailing yang fleksibel.

Dalam sektor pengangkutan laut pula terang Yang Berhormat, NBD selaku negara ahli kepada Pertubuhan Maritim Antarabangsa (IMO) tidak terkecuali untuk melaksanakan penggunaan satu platform digital berpusat atau Maritime Single Window (MSW) selaras dengan kehendak IMO secara mandatori sejak 1 Januari 2024.

Tambah Yang Berhormat, ke arah pendigitalan tersebut, pihak MPABD telah merangka usaha-usaha pendigitalan perkhidmatan-perkhidmatan berkaitan melalui MSW yang disasarkan untuk dilaksanakan (*go-live*) pada bulan Mac 2025. Ini merupakan langkah ke arah mengintegrasikan semua urusan aktiviti perkapalan dan pelabuhan di NBD melalui sistem digital dengan menggunakan platform berkenaan.

"Seterusnya, melalui kerjasama di antara MTIC dengan Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) dan juga Infocom Federation Brunei

Darussalam (IFB) telah berjaya menganjurkan Anugerah 'Asia Pacific ICT Alliance' Bagi Tahun 2024 (APICTA 2024) pada 4 hingga 7 Disember 2024.

"Secara keseluruhan, Anugerah APICTA 2024 telah menerima sebanyak 263 penyertaan, iaitu pencapaian tertinggi sejak APICTA dimulakan pada tahun 2002, dengan sebanyak 211 produk dan 173 pasukan mengambil bahagian dalam pertandingan ini. Dari keseluruhan penyertaan ini, jumlah penyertaan tertinggi adalah dalam Anugerah Teknologi di bawah Kategori Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence) dengan 17 penyertaan. Alhamdulillah, NBD telah menyertai sebanyak 35 penyertaan yang merangkumi 29 jenis produk dan melibatkan 25 buah pasukan yang mana negara kita telah memenangi sebanyak 11 anugerah yang terdiri daripada dua pemenang, satu 'First Runner-Up', lima 'Second Runner-Up' dan tiga 'Merit'. Ini adalah pencapaian tertinggi bagi NBD sepanjang penglibatan di dalam Anugerah APICTA sejak tahun 2002," ujar Yang Berhormat lagi.



DASAR, AMALAN BAHARU UNTUK PERKHIDMATAN CEMERLANG

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BERAKAS, Khamis, 13 Februari. - Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha berkata, fokus terakhir Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) adalah berkaitan dengan Pertumbuhan dan Pembangunan (Growth and Development) bagi kedua-dua sektor di mana pelaksanaan terhadap inisiatif-inisiatif yang ada berdasarkan kepada matlamat Wawasan Brunei 2035, Pelan Induk yang sedia ada, dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) di bawah Pelan Strategik MTIC 2025 Refresh yang dijadikan sebagai penanda aras kepada pencapaian sektor-sektor tersebut.

Berucap semasa Sesi Perjumpaan Muhibah di antara MTIC, Jabatan-jabatan serta Agensi-agensi Pihak Berkuasa di bawahnya bersama dengan Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 2025 bertempat di Dewan Amar Pahlawan, Bangunan MTIC, di sini, Yang Berhormat menjelaskan, bermula dengan status pelaksanaan projek-projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN) 12, iaitu enam projek adalah dalam status 'Reka bentuk'; 10 projek berstatus 'Dalam Tawaran'; enam projek 'Dalam Pelaksanaan'; dan dua projek telah 'Siap' di dalam Defect Liability Period.

Projek-projek tersebut tambah Yang Berhormat, terdiri daripada enam projek infrastruktur dan digitalisasi di bawah Jabatan

Pengangkutan Darat (JPD), sembilan projek penaiktarafan peralatan dan kemudahan di bawah Jabatan Penerbangan Awam, dua di bawah Jabatan Kajicuaca, lima projek di bawah Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (EGNC) yang meliputi penaiktarafan sistem dan memperkenalkan perkhidmatan digital dan dua berhubung dengan sains dan teknologi serta *research*.

MTIC bersama JPD menurut Yang Berhormat, akan mengusahakan satu lagi projek berkaitan dengan perkhidmatan bas awam iaitu Smart Transportation System (STS) dengan berfokus kepada tiga objektif utama termasuk meningkatkan Pengalaman Penumpang (Enhance Passenger Experience); meningkatkan Kecekapan Operasi (Improve Operational Efficiency); dan memudahkan Pembayaran Tambang (Facilitate Fare Payment Solutions).

Selain itu jelas Yang Berhormat, JPD secara berterusan komited untuk melaksanakan pembaharuan dasar dan amalan ke arah memberikan perkhidmatan yang cemerlang kepada orang ramai khususnya dalam menambah baik dan mengembangkan akses dan pilihan perkhidmatan secara dalam talian (*online*); mengemas kini dan memodenkan peraturan-peraturan yang sedia ada secara berperingkat; mempercepat proses penyampaian perkhidmatan; dan mempertingkatkan ketelusan dan integriti perkhidmatan.

Dengan itu ujar Yang Berhormat, satu projek bertajuk 'DriveBN' yang merupakan pemangkin utama kepada penambahbaikan penyampaian perkhidmatan-perkhidmatan JPD kepada orang ramai juga turut dilaksanakan.

Bagi sektor pengangkutan laut pula menurut Yang Berhormat, beberapa perkembangan dan kemajuan telah dilaksanakan melalui Service Industry Roadmap (SIR), dengan penyelarasan bersama Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Pelan hala tuju ini terangnya, menekankan peningkatan perdagangan maritim, logistik dan perkhidmatan sejajar dengan Wawasan Brunei 2035, di mana tiga strategi utama yang digariskan dalam Roadmap berkenaan adalah berkait rapat dan sejajar dengan inisiatif MPABD iaitu mempromosi aktiviti-aktiviti 'High Value-Added' melalui FDI dan GLCs (Promote High Value-Added Activities through FDI and GLCs); menyediakan prasarana industri yang kondusif (Provide Conducive Industrial Infrastructure); dan mempromosi tadbir urus bagi menyokong perniagaan (Promote Business Supportive Governance).

Berhubung dengan itu tambah Yang Berhormat, pihak MPABD telah melaksanakan beberapa inisiatif antaranya terus mengukuhkan kerjasama bersama negara-negara luar dengan menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) mengenai 'The Recognition of Certificate issued under the Provision of the International Convention on

Standards of Training, Ceification and Watchkeeping' (STCW) for Seafarers, 1978'.

Di bawah sektor pengangkutan udara Yang Berhormat menjelaskan dalam mengukuhkan rangkaian penerbangan pengangkutan udara, beberapa perkembangan baru telah pun dilaksanakan yang sejajar dengan matlamat Wawasan Brunei 2035 untuk mewujudkan ekonomi yang dinamik dan mampan. Penandatanganan Perjanjian Perkhidmatan - Perkhidmatan Udara (Air Services Agreement - ASA) di antara Negara Brunei Darussalam dan Arab Saudi pada 23 Oktober 2024, yang telah dikemaskini (*updated*) dan dimodenkan (*modernized*).

Menyentuh mengenai perkembangan Transformasi Digital, Yang Berhormat menjelaskan, MTIC berpandukan Pelan Induk Ekonomi Digital 2025 yang menggariskan empat strategik teras utama iaitu 'Industry Digitalization', 'Thriving Digital Industry', 'Manpower and Talent Development' dan 'Government Digitalization' telah merangka dan melaksanakan beberapa inisiatif dan tindakan iaitu 'National Information Hub'; 'Digital Payment Hub'; dan 'Digital Identity'.

Mengenai usaha-usaha ke arah Pendigitalan Kerajaan atau 'Government Digitalization' tambah Yang Berhormat, beberapa perkembangan terkini yang ke arah inisiatif berkenaan adalah perkhidmatan dalam talian (*online services*) yang pada masa ini sebanyak 21 Aplikasi Mudah Alih Kerajaan (Government Mobile Applications) yang memberikan pelbagai perkhidmatan-perkhidmatan; dan perkhidmatan

melalui akaun e-Darussalam yang membolehkan orang ramai mengakses maklumat kerajaan dan perkhidmatan dalam talian pada bila-bila masa yang mana setakat Disember 2024 telah mencatatkan seramai 203,255 pengguna aktif.

Sementara itu berhubung dengan transformasi Jabatan Perkhidmatan Pos (JPP), Yang Berhormat mengongsikan bahawa aktiviti transformasi sedang giat dilaksanakan dengan mengambil kira beberapa faktor seperti 'Sustainability Model', Pengurusan Hal Ehwal Sumber Tenaga Manusia dan juga 'Asset Transfer'.

Pada masa ini jelas Yang Berhormat, persediaan sedang dibuat untuk Fasa Ketiga iaitu 'Townhall' untuk memaklumkan kepada kesemua pegawai dan kakitangan JPP mengenai tarikh 'Go-Live' iaitu tarikh peralihan operasi dari JPP kepada PosBru.

Selain itu, usaha-usaha lain seperti pengurusan aset-aset, penyediaan perjanjian-perjanjian dan sebagainya juga sedang dijalankan, dengan usaha sama dari MTIC, Pejabat Peguam Negara, Darussalam Assets Sdn. Bhd. dan Syarikat PosBru Sdn. Bhd.

Peng korporatan JPP ini jelas Yang Berhormat, diharapkan akan dapat meningkatkan lagi keupayaan PosBru untuk mengembang majukan lagi industri pos di negara ini supaya lebih efisien, berdaya saing, responsif kepada kehendak pelanggan dan bertaraf antarabangsa, serta akan dapat memberi ruang kepada perkhidmatan - perkhidmatan baharu yang lebih dinamik dan fleksibel.

MTIC kongsi perkembangan bersama rombongan Ahli MMN



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi ketika bergambar ramai bersama Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara pada Sesi Perjumpaan Muhibah.

kesempatan untuk kedua-dua pihak untuk terus berdialog, berkongsi buah fikiran secara terbuka bagi merancang langkah-langkah ke hadapan ke arah mencapai cita kemajuan Negara Brunei Darussalam.

Cadangan - cadangan serta pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat juga akan dapat diambil kira dan membantu di dalam merancang hala tuju Pelan Strategik Kementerian bagi tahun 2026 hingga 2030.

Pada Sesi Perjumpaan Muhibah ini juga, rombongan Yang Berhormat Ahli-ahli MMN telah berkesempatan melawat pameran mengenai status dan *timeline* bagi projek peningkatan Sistem Pengangkutan Awam, inisiatif-inisiatif di bawah Digital Government dan juga Ristaan Utama Kementerian di sepanjang tahun 2024.

Turut hadir dalam sesi Perjumpaan Muhibah tersebut ialah Setiausaha Tetap di MTIC, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Infokomunikasi), Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan), ketua-ketua eksekutif, ketua-ketua jabatan, ketua-ketua bahagian serta pegawai-pegawai kanan dan pegawai-pegawai di MTIC dan jabatan - jabatan serta Agensi-agensi Pihak Berkuasa di bawahnya.

BERAKAS, Khamis, 13 Februari. - Sesi Perjumpaan Muhibah di antara Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), Jabatan-jabatan serta Agensi-agensi Pihak Berkuasa di bawahnya bersama dengan

Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 2025 diadakan bertempat di Dewan Amar Pahlawan, Bangunan MTIC.

Mengalu - alukan Yang Berhormat Ahli-ahli MMN ke Sesi Perjumpaan Muhibah tersebut ialah Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat

Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Rombongan Yang Berhormat Ahli-ahli MMN dengan seramai 17 orang diketuai oleh Yang Berhormat Awang Mohammad Ali bin Tanjong.

Bagi memberkati majlis, Sesi Perjumpaan Muhibah diadului dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Kampung Pulaie, Mohd Zakaria bin Haji Salleh.

Seterusnya, ucapan alu-aluan disampaikan oleh Yang Berhormat

Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi dan diikuti dengan ucapan balas daripada Yang Berhormat Awang Mohammad Ali selaku Ketua Rombongan Yang Berhormat Ahli-ahli MMN.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary dalam ucapan alu-aluannya antara lain mengongsikan status pelaksanaan pelan strategi serta projek-projek Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi yang berlandaskan kepada tiga aspek utama, yang mana ia adalah juga bertujuan untuk mendukung pencapaian di bawah Pelan Strategik MTIC 2025

yang juga disejajarkan dengan matlamat-matlamat Wawasan Brunei 2035.

Sesi Perjumpaan Muhibah ini adalah forum perbincangan tahunan yang mana sesi kali ini juga merupakan kesinambungan daripada beberapa siri lawatan kerja ke Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (EGNC), Cyber Security Brunei (CSB) serta sesi dialog bersama Yang Berhormat Ahli-ahli MMN ke MTIC yang telah diadakan sebelum ini pada 4 September 2024.

Selanjutnya, Sesi Perjumpaan Muhibah ini membuka peluang dan

PUPUK RASA CINTAKAN AL-QURAN



YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1446 Hijrah (atas dan kanan).

BERAKAS, Rabu, 12 Februari. - Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1446 Hijrah bertujuan untuk menyemai dan memupuk rasa cintakan Al-Quran dalam kalangan Muslimin terutama kepada para pelajar di peringkat rendah dan menengah, para belia, remaja, pegawai dan kakitangan di sektor kerajaan dan swasta mahupun persendirian melalui amalan menghafaz dan memahami isi kandungan Al-Quran.

Malah, ia adalah salah satu wawasan perdana Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang berterusan melalui agensi kerajaan berkenaan ke arah menambah permata Al-Hafiz dan Al-Hafizah Al-Quran di

Negara Brunei Darussalam.

Lebih daripada itu, musabaqah ini juga sebagai menyahut seruan Allah Subhanahu Wata'ala yang menjanjikan ganjaran pahala dan keberkatan berlipat ganda atas usaha dan komitmen kita semua dalam memuliana dan memartabatkan kitab suci Al-Quran.

Demikian antara ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Pemangku Pengarah Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS, Awang Mohammad Ali Sabri bin Haji Yusof selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Pelaksana Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1446 Hijrah pada Majlis Penyampaian Cenderamata kepada Peserta dan Sijil

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



kepada Hakim Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1446 Hijrah.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang diadakan di Dewan Muzakarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas tersebut ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Musabaqah pada hari kedua diteruskan dengan mendengarkan hafazan daripada lima peserta terdiri daripada tiga peserta lelaki dan dua peserta perempuan yang bertanding bagi Kategori 'E'.

Majlis diakhiri dengan penyampaian cenderamata kepada peserta-peserta dan sijil kepada hakim-hakim musabaqah yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Pada tahun ini, seramai 25 peserta telah memperdengarkan hafazan masing-masing, dengan menyaksikan penyertaan menggalakkan daripada peserta wanita iaitu seramai 16 orang, di mana ia dibahagikan kepada lima kategori, setiap kategori menampilkan lima peserta.

Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1446 Hijrah diadakan bermula pada Selasa, 11 Februari 2025 bersamaan 12 Syaaban 1446 dan berakhir hari ini.

Musabaqah ini bertujuan antara lain untuk menggalakkan umat Islam di negara ini agar berjinak-jinak mencintai Al-Quran dan menjadikan pembacaan Al-Quran sebagai amalan harian.

Di samping itu, memupuk minat yang lebih mendalam terutama

dalam kalangan kanak-kanak, remaja dan juga orang ramai untuk menguasai tajwid, hafazan dan tafsirannya serta menyemarakkan minat menghafaz Al-Quran melalui semangat persaingan yang sihat.

Musabaqah tersebut juga merupakan salah satu projek tahunan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS bagi menyemarakkan lagi Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam dan merupakan antara pengisian dalam atur cara Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara yang diadakan pada bulan Ramadan setiap tahun.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah ketua-ketua jabatan dan para Pegawai Kanan KHEU serta para jemputan termasuk dari agensi kerajaan dan institusi pengajian yang turut serta dalam majlis berkenaan.



ANTARA peserta yang memperdengarkan hafazannya.

AWE raikan kejayaan graduan Kohort 4



YANG Mulia Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi) hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyerahkan anugerah kepada penerima.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 12 Februari. - Pada November 2023, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, melalui sesi sosialisasinya, mewujudkan definisi baharu mengenai Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Brunei, termasuk definisi bagi perniagaan milik wanita, yang merujuk kepada mana-mana entiti yang dimiliki lebih daripada 50 peratus (secara individu atau kolektif), diurus dan dikawal oleh seorang wanita atau lebih.

Definisi ini amat penting kerana ia membolehkan kerajaan dan institusi seperti kami mengenal pasti dengan lebih tepat serta menyasarkan dasar dan program sokongan bagi usahawan wanita, serta menyediakan ekosistem yang kondusif, relevan dan berkesan untuk memupuk perkembangan mereka.

Perkara tersebut antara yang

dinyatakan oleh Pengarah Jabatan Perusahaan, Darussalam Enterprise (DARe), Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB), Norlela Suhailee, pada Majlis Graduasi Kohort 4 Akademi Usahawan Wanita (AWE) yang berlangsung di The Garden's Veranda Banquet Hall & Restaurant, di sini.

Di BEDB jelasnya, mereka telah melihat peningkatan berterusan dalam penyertaan wanita dalam program dan inisiatif PKS, dan ini dapat dibuktikan melalui kehadiran serta maklum balas yang diterima daripada pelbagai acara dan aktiviti.

Tambahnya, satu tinjauan ke atas inisiatif pembangunan kapasiti yang dijalankan tahun lalu menunjukkan bahawa sekitar 57 peratus daripada responden adalah wanita.

Menurutnya lagi, di luar AWE,

usahawan wanita juga mendapat manfaat daripada pelaksanaan inisiatif serantau seperti 'Go Digital ASEAN', iaitu kerjasama antara The Asia Foundation dan Google, serta 'Projek Meningkatkan Penyertaan Ekonomi Digital untuk PKS Wanita ASEAN (Projek IDEAS)' yang diterajui oleh Asia Pacific Women's Information Network Centre (APWINC) dari Universiti Wanita Sookmyung, Korea Selatan.

Secara keseluruhan ujarnya, lebih daripada 2,000 wanita di Brunei telah dilatih untuk meningkatkan kemahiran dan literasi digital mereka serta memperkasakan perniagaan melalui penggunaan alat ICT dan platform pasaran dalam talian.

Maklum balas daripada tinjauan pasca latihan terangnya, menunjukkan bahawa majoriti peserta mengalami peningkatan pemahaman terhadap alat digital dan keselamatan dalam talian, serta perancangan perniagaan dan pemasaran media sosial, dengan beberapa kajian kes menunjukkan pertumbuhan dalam jumlah pengikut media sosial mereka.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid selaku Timbalan Pengerusi Bersama BEDB.

Pada majlis tersebut, seramai 27 pengusaha terdiri dari Kohort 4 AWE telah berjaya menamatkan program tersebut dan menerima sijil masing-masing yang disampaikan oleh Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif BEDB,

Daniel Leong.

Majlis kemudian diteruskan dengan penyampaian anugerah kepada tiga peserta terbaik yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Mereka ialah Ezza Anwar dari As-Sehha yang menghasilkan telur pasteur pertama di Brunei, memastikan keselamatan dan kualiti sambil menggalakkan pilihan pemakanan lebih sihat; Nabilah Azahari dari Atelier Anari, membuat minyak wangi buatan tangan yang diinspirasi oleh kehidupan dan budaya di Brunei; dan Nur Amilah Fadhlina binti Hamdan dari Makeup by Fadhlina, seorang pakar dalam solekan pengantin dan acara, menawarkan perkhidmatan gaya profesional untuk majlis perkahwinan, graduasi, sesi fotografi, dan acara khas lain.

Para penerima dianugerahkan dana permulaan sebanyak USD3,000 setiap seorang bagi menyokong pertumbuhan perniagaan mereka.

Mereka yang menerima anugerah ini telah menunjukkan dedikasi luar biasa, inovasi, serta potensi perniagaan sepanjang program diadakan.

Pemilihan tiga peserta terbaik ini dibuat semasa Hari Pembentangan (Pitching Day) yang berlangsung pada Disember 2024 di Auditorium Utama Bangunan Design & Technology, di mana 22 daripada 27 peserta telah membentangkan idea-idea perniagaan mereka kepada panel hakim yang terdiri daripada Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan VHCC Global Ventures & VHC Yiwu Co.

Ltd., Lenny Juvena binti Azmi; Ketua Pengurusan Perhubungan BEDB, Nurul Jaafar; Perunding Bersekutu Change Leader, Zainab M.A. Omar; dan Pengasas dan Pengarah Urusan Asri Services, Ida Nurhafiza Haji Matnoor.

AWE diadakan selama dua bulan dan dianjurkan oleh BEDB serta ditaja oleh Department of State, Amerika Syarikat bagi tujuan meningkatkan pemahaman perniagaan dan kemahiran keusahawanan mereka.

Program AWE, yang dilancarkan pada Oktober 2024, telah menerima 104 permohonan, dengan 27 usahawan wanita dipilih berdasarkan potensi perniagaan dan komitmen mereka terhadap pertumbuhan.

Para peserta menjalani latihan komprehensif melalui platform dalam talian DreamBuilder yang dibangunkan oleh Thunderbird School of Global Management di Arizona State University serta menerima bimbingan berharga sepanjang program.

Penyertaan tahun ini melibatkan pelbagai industri seperti Makanan dan Minuman, Runcit dan Barangan Pengguna, Fesyen dan Pakaian, Kesihatan dan Kesejahteraan, Seni dan kraf, Perkhidmatan Acara, Pendidikan dan Latihan, serta Media Sosial dan Pemasaran.

Majlis graduasi ini turut menyediakan platform untuk para peserta membina rangkaian perniagaan dengan pemimpin industri, profesional perniagaan, dan sesama usahawan bagi mengukuhkan lagi usaha perniagaan mereka.



Kebersihan lambang keimanan

keadaan bersih sebagaimana firman-Nya dalam Surah Al-Baqarah, ayat 222 :

Tafsirnya : "Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang banyak bertaubat dan mengasihi orang yang sentiasa mensucikan diri".

Melihat betapa pentingnya kebersihan, maka Islam amat menitikberatkan kebersihan rohani mahupun jasmani. Kebersihan merupakan faktor yang utama sebelum melakukan sebarang pekerjaan khususnya sebelum melakukan ibadah kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Ia adalah antara syarat dalam ibadah khusus contohnya sebelum menunaikan sembahyang, kita diwajibkan berwuduk terlebih dahulu dan sebelum menunaikan sembahyang kita hendaklah memastikan tubuh badan, pakaian dan tempat sembahyang dalam keadaan bersih dan suci. Daripada Abu Malik Al-Asyari Radiallahuanhu berkata, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Tafsirnya : "Kebersihan itu sebahagian daripada iman". (Hadis Riwayat Imam Muslim)

Setiap amalan baik dari segi rohani dan jasmani adalah disukai Allah Subhanahu Wata'ala. Justeru, mengamalkan kebersihan dalam semua perkara yang melibatkan diri sendiri, keluarga, masyarakat, persekitaran dan negara adalah sangat perlu ditekankan dengan mengamalkan kebersihan, ia boleh mendatangkan suasana yang selesa, nyaman, tenang, kesihatan yang baik dan mencapai kesejahteraan sehingga membolehkan kita lebih ceria dan sihat dari segi fizikal dan mental.

Namun demikian, terdapat segelintir masyarakat yang belum benar-benar menghayati tuntutan menjaga kebersihan sama ada kebersihan diri atau kebersihan tempat atau persekitaran. Amalan

membuang sampah di tempat yang tidak sepatutnya umpamanya adalah perbuatan yang dilarang dan mencerminkan sikap tidak bertanggungjawab. Selain itu, mengabaikan amalan kebersihan itu akan menyebabkan tersebar pelbagai penyakit, pencemaran, keracunan makanan dan menyumbang kepada suasana alam sekitar yang tidak sihat. Islam telah meletakkan menjaga kebersihan merupakan tanggungjawab bersama yang patut diamalkan oleh setiap orang Islam yang beriman.

Selain daripada kebersihan jasmani dan persekitaran, kebersihan rohani juga memainkan peranan yang amat penting. Pengabdian diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan membersihkan diri daripada menyekutukannya dan segala perkara yang boleh membawa kepada bahaya dan dosa. Kerana dengan kebersihan rohani akan dapat mendidik hati dan jiwa menjadi bersih. Apabila hati bersih, kita akan menjadi manusia yang berakhlak mulia dan berkeperibadian terpuji.

Justeru, Islam telah mengajar kita untuk sentiasa dan terus berdoa agar selalu istiqamah dalam keadaan bersih secara rohani dan jasmani ketika beribadah mahupun dalam kehidupan sehari-hari. Antara doa yang selalu kita baca selepas berwuduk ialah :

Ertinya : "Ya Allah, jadikanlah aku termasuk orang yang bertaubat dan jadikanlah aku termasuk orang yang menyucikan diri".

Agama Islam mengajarkan bahawa kebersihan itu merangkumi kebersihan dan kesucian rumah dan pekarangannya, kebersihan dan kesucian badan, kebersihan dan kesucian pakaian, kebersihan dan kesucian makanan, kebersihan dan kesucian roh dan hati.

Demikianlah, bagaimana halusna

pendidikan Islam dalam soal memelihara kebersihan yang bukan sahaja untuk menjaga kesihatan, malah lebih meluas lagi. Sesungguhnya memelihara kebersihan boleh mendatangkan pahala dan menjadikan sah atau diterima ibadahnya oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Sebaliknya, mengabaikan kebersihan pula boleh mengakibatkan dosa dan seksa di akhirat serta tidak diterima ibadahnya oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Oleh yang demikian, perintah memelihara kebersihan dalam kehidupan seharian adalah demi untuk kebaikan dan keselamatan manusia itu sendiri dan sebagai syarat yang mustahak untuk melakukan ketaatan kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Orang yang taat tentu beroleh pahala sementara yang melanggar perintah Allah Subhanahu Wata'ala akan mendapat dosa dan kemurkaan-Nya.

Marilah kita sama-sama menjaga kebersihan dan menjadikannya sebagai budaya dan amalan dalam kehidupan kita sehari-hari. Kita hendaklah bertanggungjawab terhadap kebersihan di mana sahaja sama ada di kawasan rumah sendiri, masjid, bangunan-bangunan kerajaan dan swasta, tandas-tandas awam, taman-taman rekreasi dan tempat-tempat awam yang lain. Semoga dengan demikian, persekitaran menjadi bersih, kesihatan terjamin dan seterusnya kita dapat menikmati kehidupan dengan lebih selesa dan bahagia. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

Tafsirnya : "Sesungguhnya berjayaah orang yang menyucikan jiwanya. Dan sesungguhnya rugilah orang mengotorinya". (Ash-Shams, ayat 9-10)

BERTAKWALAH kita ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Agama Islam adalah agama yang sempurna dalam semua aspek kehidupan termasuklah juga dalam soal kebersihan. Kebersihan menurut Islam bukan sekadar menjadi budaya dalam kehidupan dan kemajuan bahkan juga melambangkan tanda keimanan dan kesempurnaan seseorang dalam melaksanakan ibadah kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala amat suka orang yang sentiasa dalam

Memperbanyakkan amalan di malam Nisfu Syaaban



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 13 Februari.- Setiap 15 Syaaban, umat Islam di negara ini akan menyambut Nisfu Syaaban. Nisfu adalah perkataan Arab yang bermaksud 'pertengahan'.

Malam Nisfu Syaaban merupakan salah satu malam yang penuh berkat, rahmat dan doa-doa dimakbulkan. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam memperbanyakkan ibadah pada bulan Syaaban ini dan disunatkan

ke atas orang Islam untuk mempertingkatkan amalan dan ibadah.

Dengan kelebihan dan keberkatan yang terdapat pada malam Nisfu Syaaban, umat Islam adalah digalakkan untuk menghidupkannya dengan memperbanyakkan amal ibadah dan zikir untuk meraih rahmat dan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Sehubungan dengan itu, Sembahyang Fardu Maghrib dan

Isyak Berjemaah, membaca Surah Yaa Siin dan Doa Khas sempena Nisfu Syaaban Tahun 1446 Hijrah diadakan malam tadi bagi menghidupkan malam Nisfu Syaaban di negara ini.

Acara diadakan di masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara dengan tumpuan utama di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan.

Atur cara diisikan dengan bacaan Surah Yaa Siin



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu khas pada Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, membaca Surah Yaa Siin dan Doa Khas sempena Nisfu Syaaban Tahun 1446 Hijrah di Masjid Omar 'Ali Saifuddien (atas dan kiri).

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

sebanyak tiga kali selepas Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah dengan memohon kepada Allah Subhanahu Wata'ala agar dipanjangkan umur dengan beramal ibadat kepada-Nya dan memohon dimurahkan memperoleh rezeki yang halal bagi bekalan ibadat kepada Allah Subhanahu Wata'ala serta memohon agar ditetapkan iman dalam agama Islam.

Hadir di Masjid Omar 'Ali Saifuddien selaku tetamu khas, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji

Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim.

Turut hadir ialah Ra'ees Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar; pengarah-pengarah, pegawai-pegawai kanan dan kakitangan di bawah KHEU serta jemaah masjid.

Kebersihan Lambang Keimanan



Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 15 Sya'ban 1446H/14 Februari 2025M



KEBERSIHAN

- Faktor utama sebelum melakukan sebarang pekerjaan
- Antara syarat dalam ibadah khusus. Contohnya sebelum menunaikan sembahyang, kita diwajibkan berwudhu terlebih dahulu
- Dengan mengamalkan kebersihan, ia boleh mendatangkan suasana yang selesa, nyaman, tenang, kesihatan yang baik dan mencapai kesejahteraan sehingga membolehkan kita lebih ceria dan sihat dari segi fizikal dan mental
- Mengabaikan amalan kebersihan: penyebab tersebar pelbagai penyakit, pencemaran, keracunan makanan dan menyumbang kepada suasana alam sekitar yang tidak sihat

APA YANG BOLEH KITA BUAT



Tanggungjawab bersama yang patut diamalkan oleh setiap orang Islam yang beriman



Terus berdoa agar selalu istiqamah dalam keadaan bersih secara rohani dan jasmani

Antara doa yang selalu kita baca selepas berwudhu ialah:

اللَّهُمَّ اجْعَلْنِي مِنَ التَّوَّابِينَ وَاجْعَلْنِي مِنَ الْمُتَطَهِّرِينَ

Ertinya: Ya Allah, jadikanlah aku termasuk orang yang bertaubat dan jadikanlah aku termasuk orang yang menyucikan diri

BINCANG ISU SEMASA, TAMBAH BAIK PERKHIDMATAN



SETIAUSAHA Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan semasa sesi bergambar ramai pada Sesi Muzakarah berkenaan.

di bawah Kementerian Pembangunan, dan wakil daripada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Pejabat Daerah Brunei dan Muara.

Dalam ucapan alu-aluannya, Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar) menyatakan bahawa Sesi Muzakarah ini merupakan satu manifestasi komitmen bersama untuk meningkatkan mutu perkhidmatan di bawah Kementerian Pembangunan.

Tambah beliau, melalui Sesi Muzakarah seperti ini, pihak kementerian akan dapat merangka inisiatif serta dasar-dasar yang lebih berkesan dalam menghadapi cabaran di masa depan.

Objektif utama Sesi Muzakarah ini ialah untuk menilai semula dan menambah baik perkhidmatan yang telah disediakan demi memastikan ia lebih responsif kepada keperluan rakyat.

Selain itu, sesi ini juga bertujuan untuk mewujudkan satu platform untuk mengukuhkan lagi hubungan antara masyarakat bersama Kementerian Pembangunan.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pembangunan

BERAKAS, Rabu, 12 Februari. - mengadakan Sesi Muzakarah Bersama Penghulu - penghulu Kementerian Pembangunan hari ini

Mukim serta Ketua - ketua Kampung bagi membincangkan isu-isu semasa dan bertukar-tukar pandangan dalam sama-sama membaiki serta menambah baik perkhidmatan yang sedia ada.

Hadir mengalu-alukan kehadiran penghulu-penghulu mukim dan ketua kampung ke Sesi Muzakarah

ialah Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar) Kementerian Pembangunan, Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak.

Juga hadir ialah Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, ketua-ketua jabatan serta divisyen



SUASANA Sesi Muzakarah yang diadakan oleh Kementerian Pembangunan (atas dan kanan).



Pegawai, kakitangan KKBS terima kurma kurnia



SETIAUSAHA Tetap (Kebudayaan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan Majlis Penyampaian Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Bulan Ramadan 1446 Hijrah / 2025 Masihi kepada pegawai dan kakitangan KKBS (atas dan kanan).

BERAKAS, Rabu, 12 Februari. - Majlis Penyampaian Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Bulan Ramadan 1446 Hijrah / 2025 Masihi kepada pegawai dan

kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan jabatan-jabatan di bawahnya diadakan di Dewan Citra Budaya, KKBS, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan majlis ialah Setiausaha Tetap (Kebudayaan) KKBS, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali

Hassan selaku menjalankan tugas Setiausaha Tetap (Kesukanan) KKBS.

Bagi memberkati majlis, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah diketuai oleh Pegawai Kerja (Perantis), Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, KKBS, Awang Muhammad Afif bin Ali.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



Majlis diteruskan dengan penyerahan kurma kurnia peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam oleh tetamu kehormat.

Sebanyak 6,868 kotak kecil kurma diagihkan kepada pegawai

dan kakitangan serta jabatan-jabatan di bawahnya termasuk untuk ahli-ahli keluarga masing-masing.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh Awang Muhammad Afif. Turut hadir, ketua-ketua jabatan, ketua-ketua bahagian serta pegawai dan kakitangan KKBS.

RAPTAI PASTIKAN KELANCARAN UPACARA MENAIKKAN BENDERA BESAR

Oleh : Nurhamiza Awang Haji Roslan
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan hadir pada raptai Upacara Menaikkan Bendera Kebangsaan Bersaiz Besar dan Penyerahan Bendera Bersaiz Kecil serta poster (atas), manakala gambar atas kiri dan bawah kiri, antara yang menyertai raptai berkenaan.



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 13 Februari. - Persiapan menjelang Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (HK NBD) Ke-41, Tahun 2025 sedang giat dilaksanakan.

Membuka tirai acara Sambutan Hari Kebangsaan ialah Upacara Menaikkan Bendera Kebangsaan Bersaiz Besar dan Penyerahan Bendera Bersaiz Kecil serta poster yang akan diadakan pada 15 Februari ini.

Sehubungan dengan itu, bagi memastikan kelancaran upacara yang bakal berlangsung pada hari

tersebut, raptai penuh bagi upacara berkenaan telah diadakan di kawasan lapang Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, di ibu negara.

Hadir menyaksikan raptai tersebut ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman.

Tema HK NBD Ke-41 ialah 'Bersatu Mencapai Cita Negara'.

Tema ini melambangkan semangat patriotisme dan kekitaan dalam memperkukuh perpaduan

dan keazaman merealisasikan Wawasan Brunei 2035. Ia menyeru seluruh rakyat dan penduduk, dari pelbagai latar belakang, untuk bersatu hati, pemikiran dan tenaga dalam usaha mencapai pembangunan yang seimbang maju dan mampan, berakar pada Falsafah Melayu Islam Beraja (MIB).

Upacara Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-41 akan diadakan pada Ahad, 24 Syaaban 1446 bersamaan 23 Februari 2025 di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin bermula pada pukul 9.00 pagi.

'Cinta Nabi, Bekal Ku Menuju Ramadan' serikan Program Pejuang Fajr



PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) Kementerian Hal Ehwal Ugama semasa hadir pada Program Pejuang Fajr Kali Ke-15 (atas dan kiri). Sementara gambar bawah kanan, Tazkirah Subuh disampaikan oleh Penolong Kanan Profesor, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Haji Harapandi Dahri.

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

SENGKURONG, Jumaat, 14 Februari. - Dalam usaha untuk memberi kesedaran kepada para belia untuk bangun menunaikan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah, Program Pejuang Fajr Kali Ke-15 diadakan awal pagi tadi bertempat di Masjid Sultan Sharif Ali, Kampung Sengkurong, di sini.

Program yang dikelola oleh Badan Sukarelawan Belia Da'ie dengan sokongan Urus Setia Program Keugamaan Belia, Pusat Da'wah Islamiah (PDI) dan kerjasama daripada Ahli

Jawatankuasa Takmir (AJKT) Masjid Sultan Sharif Ali, Kampung Sengkurong berkenaan membawakan tema 'Cinta Nabi, Bekal Ku Menuju Ramadan'.

Hadir, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar.

Sembahyang Sunat Tahajud dipimpin oleh Ahli Jawatankuasa Badan Sukarelawan Belia Da'ie, manakala Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah pula diimamkan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid

(Skim Perantisan Perkhidmatan Awam - SKIPPA), Masjid Sultan Sharif Ali, Kampung Sengkurong, Awang Amirul Amin bin Abdullah. Sementara, bacaan Surah Al-Kahfi dipimpin oleh Awang Abdul Mu'iz bin Haji Jahair, wakil belia Masjid Ash-Shaliheen.

Program Pejuang Fajr juga diserikan dengan Tazkirah Subuh bertajuk 'Cinta Nabi, Bekal Ku Menuju Ramadan' yang disampaikan oleh Penolong Kanan Profesor, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Haji Harapandi Dahri.

Program berkenaan diungkapkan bagi melaksanakan fungsi dan

peranan Belia Da'ie sebagai pertubuhan belia yang bertanggungjawab melaksanakan dakwah dan juga *Al-Amr bil Ma'ruf wan Nahyu 'anil Munkar* di Negara Brunei Darussalam melalui Kempen Solat Subuh.

Program pagi tadi turut dihadiri oleh jemaah Masjid Sultan Sharif Ali, Kampung Sengkurong, pegawai-pegawai kerajaan dan yang telah bersara, serta para belia termasuk Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), mahasiswa dan mahasiswi universiti, para alumni Akademi Da'wah dan juga orang persendirian. Rakaman Pejuang Fajr boleh diikuti di Instagram rasmi Belia Da'ie.



RTB PRIME ACCESS BUKA PELUANG KERJASAMA BAHARU

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohammad Hasif Matzin



SUASANA Hari Terbuka RTB Prime Access bertempat di Mutiara Ballroom, Radisson Hotel (atas dan atas kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 12 Februari. - Dalam usaha untuk membuka peluang baharu dan kolaborasi bersama syarikat-syarikat tempatan, Jabatan Radio Televisyen Brunei (RTB) melalui Bahagian Pemasaran dan Promosi hari ini telah mengadakan Hari Terbuka RTB Prime Access bertempat di Mutiara Ballroom, Radisson Hotel, di ibu negara.

Hadir, Pemangku Pengarah RTB, Cheong Chee Keong, wakil-wakil syarikat dan pegawai-pegawai kanan serta kakitangan RTB.

Sesi RTB Prime Access tersebut dimulakan dengan bacaan Surah

Al-Fatihah beramai-ramai dan diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Ketua Dasar dan Perancangan dan Pemangku Ketua Bahagian Pemasaran dan Promosi, Awang Izzul Azam bin Dato Seri Paduka Haji Mohamad Roselan.

Melihat kembali ke tahun 2024, Awang Izzul Azam menjelaskan RTB terus memainkan peranan penting dalam memperkaya kehidupan rakyat Brunei dengan memberikan maklumat, pendidikan dan hiburan.

Menurutnya, respons yang luar biasa daripada masyarakat terhadap program-program seperti



BEST914, Anugerah Kreatif dan Festival Media Kreatif telah menjadi bukti kepada impak yang telah diciptakan bersama.

"Kejayaan ini tidak akan dapat dicapai tanpa sokongan daripada penaja dan rakan kongsi kami yang dihormati dan untuk itu, kami mengucapkan terima kasih yang setinggi-tingginya," ujarnya.

Beliau juga berasa bangga kerana Kajian Audiens tahun lepas mendapati hampir dua pertiga daripada rakyat menonton RTB setiap hari sama ada melalui TV atau Radio.

Namun katanya, pendekatan RTB terhadap pengiklanan dan penajaan lebih daripada sekadar memberikan tontonan tetapi ia adalah tentang membina pengiktirafan jenama yang berkekalan dan kepercayaan.

"Kami komited untuk memastikan bahawa setiap

syarikat yang bekerjasama dengan kami menerima pengiktirafan yang sewajarnya, bukan sahaja melalui sebutan di udara tetapi juga melalui bahan promosi dan platform digital RTB, termasuk media sosial rasmi RTB," tambahnya.

Sejurus itu, penerangan lanjut mengenai program-program RTB bagi tahun 2025 disampaikan oleh wakil-wakil dari Bahagian Rancangan Radio, TV dan Berita dan Hal Ehwal Semasa.

Selain membuka peluang kepada syarikat-syarikat untuk mendapatkan pakej penajaan, objektif RTB Prime Access adalah bagi memperkenalkan kepada syarikat-syarikat mengenai perancangan dan inisiatif RTB sepanjang tahun 2025, khususnya program-program TV dan radio.

Ia bertujuan bagi memudahkan syarikat-syarikat mengenal pasti program-program yang sesuai

dengan strategi pengiklanan dan penajaan mereka.

Antara acara dan program anjuran RTB yang akan diadakan pada tahun ini ialah Pertandingan Best 914 Ke-21, Akulah Juara 2, Rentak Optima 2, Program Budaya 3 Serumpun, Bintang Kecil, Simfoni Tanahair 2025, Kugiran, Jerayawara 'Badudun Bersama Biskita' dan Pertandingan Nasyid.

Syarikat-syarikat yang turut hadir ialah Imagine Sdn. Bhd., Progresif Sdn. Bhd., Perbadanan Tabung Amanah Islam (TAIB), BIBD, Insurans Islam TAIB, Baiduri Bank Berhad, Hamitan Group, Aliaa Group, Aiking, Anta Brunei, Peak Club, The Coffee Bean & Tea Leaf, Intracorp, Cuckoo, Incomm, Darussalam Holdings Sdn. Bhd., Brunei Shell Marketing (BSM), Wafa Hotel, Radisson Hotel, GHK Motors dan Sin Guan Brothers.

UNISSA adakan Hari Terbuka

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali



ANTARA pemohon yang menghadiri Hari Terbuka Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) di Kampus UNISSA (atas, atas kanan dan bawah kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 12 Februari. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) mengadakan Hari Terbuka UNISSA di Kampus UNISSA Gadong hari ini dan juga pada Sabtu, 15 Februari 2025 di Kampus Sinaut, UNISSA, Tutong. Acara Hari Terbuka UNISSA ini dibukakan untuk kunjungan orang ramai mulai pukul 8.30 pagi hingga 4.30 petang.

Hari Terbuka UNISSA adalah salah satu acara tahunan yang bertujuan untuk mendedahkan dan mengongsikan pelbagai program pengajian akademik yang ditawarkan oleh UNISSA kepada

pemohon-pemohon yang berhasrat untuk melanjutkan pengajian mereka ke peringkat yang lebih tinggi sebagai landasan perkongsian maklumat mengenai UNISSA kepada bakal pelajar dari segi ciri-ciri program yang ditawarkan, kriteria dan syarat-syarat kemasukan serta proses dan prosedur kemasukan.

Seterusnya, melalui sesi konsultasi dan interaksi bersama tenaga - tenaga akademik diharapkan akan dapat membantu mereka dalam membuat pilihan dan menentukan program pengajian yang sesuai dengan kelulusan mereka serta kesesuaian

prospek kerjaya yang mereka cita-citakan.

Pada tahun ini, UNISSA menawarkan beberapa program baharu antaranya Ijazah Dual Sarjana Muda (Dual Degree Programme) Kewangan Islam yang ditawarkan oleh Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (FEKIm) UNISSA dan Program Sarjana Muda Kewangan Islam dengan Kepujian yang ditawarkan oleh Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL), Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Selain itu juga, Program Dual Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Pembangunan (BADM) yang ditawarkan oleh Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam, UNISSA dan Program Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan (BBM) dengan Kepujian yang ditawarkan oleh Kuliah Ekonomi dan Sains Pengurusan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM).

Pusat Pengajian Manuskrip Islam, UNISSA juga menawarkan dua program baharu bagi peringkat siswazah iaitu Program Ijazah Doktor Falsafah Manuskrip Islam (Secara Penyelidikan) dan Ijazah Sarjana Manuskrip Islam (Secara Penyelidikan).

Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa juga menawarkan program baharu iaitu Program Tamhidi UNISSA - Kolej International Graduate Studies (KIGS) yang sudah bermula pada Januari 2025.

Pelaksanaan program-program baharu ini membuka peluang dan pengalaman baharu di peringkat antarabangsa kepada pelajar. Penawaran program ini juga



menjadikan kehadiran UNISSA semakin dirasai di arena pendidikan antarabangsa dalam mengukuhkan reputasi UNISSA dalam menawarkan program akademik bertaraf global.



30 AGENSI PELANCONGAN DIBENARKAN KENDALI PAKEJ UMRAH

AGENSI-AGENSI PENGENDALI PERKHIDMATAN PAKEJ HAJI DAN
PAKEJ UMRAH MENGIKUT KATEGORI PAKEJ DAN VISA



BIL	NAMA SYARIKAT	TEMPOH KEBENARAN	PAKEJ HAJI	PAKEJ UMRAH [VISA UMRAH]	PAKEJ UMRAH [VISA PELANCONG ARAB SAUDI]
1	DARUSSALAM SERVICES SDN. BHD.	3 TAHUN [1446 HJRAH HINGGA 1448 HJRAH]	✓	✓	✓
2	STRAITS CENTRAL AGENCIES (B) SDN. BHD.		✓	✓	✓
3	CONTINENTAL YACHTING SDN. BHD.		✓	✓	✓
4	RAUDAH AL-AMIN SDN. BHD.		✓	✓	✓
5	TITIAN TRAVEL & TOURS SDN. BHD.		✓	✓	✓
6	AT-TAQWA TRAVEL TOURS SDN. BHD.		✓	✓	✓
7	DAR EL-EHSAN TRAVEL SDN. BHD.		✓	✓	✓
8	AL-HJRAH TRAVEL & TOURS SDN. BHD.		✓	✓	✓
9	BALURIH TRAVEL SDN. BHD.		✓	✓	✓
10	AS-SAFA TRAVEL & TOURS SDN. BHD.		✓	✓	✓
11	AL-ABRAJ TRAVEL & TOURS SDN. BHD.	1 TAHUN [2025 MASIH]	✗	✗	✓
12	ALEIYA VOYAGES SDN. BHD.		✗	✗	✓
13	AL-HAJAT TOURS & TRAVELS AGENCY SDN. BHD.		✗	✗	✓
14	AL-HARAMAIN BIL IMAN TRAVEL & TOURS SDN. BHD.		✗	✗	✓
15	AL-MIQAT TRAVEL & TOURS SDN. BHD.		✗	✗	✓
16	FIRDAUS AL-MUNAWWARAH TRAVEL SERVICES SDN. BHD.		✗	✗	✓
17	GHUFRAN TRAVEL & TOURS SDN. BHD.		✗	✗	✓
18	HAYYA TRAVEL & TOURS SDN. BHD.		✗	✗	✓
19	HUMAIRA TRAVEL CENTRE (BORNEO) SDN. BHD.		✗	✗	✓
20	HURRIYAH TRAVEL SERVICES SDN. BHD.		✗	✗	✓
21	IJTHAD TRAVEL SDN. BHD.		✗	✗	✓
22	LAMISA INTERNATIONAL TOURS & TRAVELS SDN. BHD.		✗	✗	✓
23	MADULI AGENCY TRAVEL SDN. BHD.		✗	✗	✓
24	MUSTAQIM TRAVEL & TOURS SDN. BHD.		✗	✗	✓
25	AZ-ZAIN TRAVEL & TOURS SDN. BHD.		✗	✗	✓
26	AZ BACK TO NATURE TRAVEL SDN. BHD.		✗	✗	✓
27	EL-ABQARI TRAVEL & TOURS SDN. BHD.		✗	✗	✓
28	HUMZAIK TRAVEL & TOURS SDN. BHD.		✗	✗	✓
29	QAMAROOON TOURS SDN. BHD.		✗	✗	✓
30	SIMPLY UMRAH (B) TRAVEL & TOURS SDN. BHD.		✗	✗	✓

(Dikemaskini pada 13 Sya'ban 1446H bersamaan 12 Februari 2025)

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 13 Februari. - Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Jabatan Urusan Haji memaklumkan bahawa enam buah lagi agensi pelancongan diberi kebenaran untuk mengendalikan perkhidmatan Pakej Umrah Menggunakan Visa Pelancong Arab Saudi bagi tahun 2025 Masihi.

Agensi-agensi berkenaan adalah Az-Zain Travel & Tours Sdn. Bhd., Az Back To Nature Travel Sdn. Bhd., El-Abqari Travel & Tours Sdn. Bhd., Humzaik Travel & Tours Sdn. Bhd., Qamaroon Tours Sdn. Bhd. dan Simply Umrah (B) Travel & Tours Sdn. Bhd.

Dengan kebenaran tersebut, maka pada masa ini sebanyak 30 buah agensi pelancongan telah

diberi kebenaran untuk mengendalikan perkhidmatan Pakej Umrah menggunakan Visa Pelancong Arab Saudi bagi tahun 2025 Masihi.

Agensi-agensi tersebut ialah Darussalam Services Sdn. Bhd. (DSSB), Straits Central Agencies (B) Sdn. Bhd. (SCA), Continental Yachting Sdn. Bhd., Raudah Al-Amin Sdn. Bhd. (RAA), Titian Travel & Tours Sdn. Bhd., At-Taqwa Travel Tours Sdn. Bhd., Dar

PTEC 2025 labuh tirai

Siaran Akhbar : Autoriti Petroleum Brunei Darussalam

BERAKAS, Khamis, 13 Februari. - Pameran dan Persidangan Teknologi Petroleum Brunei (PTEC) 2025 yang dianjurkan oleh Autoriti Petroleum Negara Brunei Darussalam (PABD) dengan kerjasama Persatuan Jurutera Petroleum (SPE) Bahagian Brunei, Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan Universiti Teknologi Brunei (UTB) berakhir dengan Majlis Penutup di Pavillion Petroleum Authority berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Acara ini menandakan peristiwa penting dalam industri Minyak dan Gas, menghimpunkan para pemimpin dan pakar industri yang terkenal, antarabangsa dan tempatan, moderator, inovator, dan pempamer terkemuka di sekitar industri, ke arah memupuk rangkaian, kerjasama dan perkongsian pengetahuan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pengarah Urusan PABD, Shamir Salahudin selaku Pengerusi Jawatankuasa Penganjur PTEC 2025.

Persidangan telah menampilkan perbincangan panel yang berkesan, pameran-pameran teknologi terkini, dan Hackathon yang dinamik, menekankan komitmen Brunei untuk memajukan industri hidrokarbonnya.

Majlis penutup disempurnakan dengan penyampaian hadiah berprestij, meraikan pemenang pertandingan Hackathon, yang menunjukkan semangat inovasi memacu industri ke hadapan.

Meraih tempat pertama pada pertandingan Hackathon tersebut ialah Perundign AI, diikuti oleh Flare.co di tempat kedua dan Sepakat memenangi tempat ketiga. Acara itu juga dimeriahkan dengan cabutan bertuah untuk peserta kuiz harian, dengan pelbagai hadiah yang menarik.

PTEC Brunei 2025 berakhir dengan kejayaannya menegaskan semula tema acara itu 'Innovation for Efficiency and Sustainability in the Hydrocarbon Industry'.

Siri rangkaian empat hari dengan perkongsian pengetahuan dan teknologi serta penyelesaian terkini itu, menyemarakkan era baharu inovasi, kerjasama dan transformasi industri sekali gus meletakkan asas untuk kejayaan masa depan dalam sektor hidrokarbon.

El-Ehsan Travel & Tours Sdn. Bhd., Al-Hijrah Travel & Tours Sdn. Bhd., Balurih Travel Sdn. Bhd., As-Safa Travel & Tours Sdn. Bhd., Al-Abraj Travel & Tours Sdn. Bhd., Aleiya Voyages Sdn. Bhd., Al-Hajat Tours & Travels Agency Sdn. Bhd., Al-Haramain Bil Iman Travel & Tours Sdn. Bhd., Al-Miqat Travel & Tours Sdn. Bhd., Firdaus Al-Munawwarah Travel Services Sdn. Bhd., Ghufran Travel & Tours Sdn. Bhd., Hayya Travel & Tours Sdn. Bhd., Humaira Travel Centre (Borneo) Sdn. Bhd., Hurriyah Travel Services Sdn. Bhd., Ijthad Travel Sdn. Bhd., Lamisa

International Tours & Travels Sdn. Bhd., Maduli Agency Travel Sdn. Bhd., Mustaqim Travel & Tours Sdn. Bhd., Az-Zain Travel & Tours Sdn. Bhd., Az Back To Nature Travel Sdn. Bhd., El-Abqari Travel & Tours Sdn. Bhd., Humzaik Travel & Tours Sdn. Bhd., Qamaroon Tours Sdn. Bhd. dan Simply Umrah (B) Travel & Tours Sdn. Bhd.

Orang ramai yang berhasrat untuk menunaikan ibadat umrah bolehlah mengikuti dan berhubung terus dengan agensi-agensi pelancongan yang dibenarkan tersebut.

Peluang merasai The Brunei Coffee Trail Promotion

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 13 Februari. - Penggemar kopi di Bandaraya Miri, Sarawak bakal menikmati satu pengalaman istimewa, iaitu The Brunei Coffee Trail Promotion yang akan mengambil tempat di Bintang Megamall, Miri, Sarawak, Malaysia pada 15 sehingga 16 Februari 2025 dengan menawarkan peluang unik untuk merasai kopi terbaik yang ditawarkan oleh Negara Brunei Darussalam (NBD).

Dianjurkan oleh Jabatan Kemajuan Pelancongan, NBD, acara dua hari berkenaan menjemput pengunjung untuk menikmati pelbagai jenis rasa kopi, daripada bancuhan kopi

Siaran Akhbar : Jabatan Kemajuan Pelancongan

yang pekat, beraroma hingga minuman istimewa yang lembut, membolehkan mereka menikmati pelbagai perisa yang menjadikan budaya kopi NBD begitu istimewa.

Menghimpunkan beberapa pengusaha kopi terbaik NBD, seperti Dill's Cafe, De Coffee, Erti Kafe, Three Light Coffee Bar dan Oui Boutique Café, para pengunjung boleh menikmati kopi yang baharu dibancuh, meneroka teknik penyediaan kopi NBD dan beramah mesra dengan para barista.

Acara berkenaan akan dibuka kepada orang ramai

dari jam 12.00 tengah hari hingga 8.00 malam pada 15 Februari 2025, manakala dari jam 10.00 pagi hingga 5.00 petang pada 16 Februari 2025.

Sama ada awda seorang penggemar kopi atau sekadar ingin menerokai perisa baharu, semua orang dijemput untuk merasai pengalaman aromatik berkenaan sekali gus menerokai pelbagai perisa kopi yang kaya di NBD di samping mengambil bahagian dalam sesi interaktif dan menikmati rasa eksklusif.

Untuk maklumat lanjut dan kemas kini, ikuti di Instagram @brunei.tourism.

SUNTIK SEMANGAT PATRIOTISME DALAM DIRI PARA PENUNTUT



SEKITAR program Taklimat Kenegaraan bagi Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) dan Pusat Tingkatan Enam yang diadakan di Dewan Serbaguna, IBTE Kampus Nakhoda Ragam (atas dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 12 Februari. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Seksyen Komunikasi Strategik meneruskan lagi program Taklimat Kenegaraan bagi Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE)

dan Pusat Tingkatan Enam dengan berkunjung ke IBTE Kampus Nakhoda Ragam.

Seramai 250 penuntut menghadiri taklimat yang diadakan di Dewan Serbaguna sekolah berkenaan, hari ini.

Turut hadir, Ketua Sekolah, Sekolah Perkhidmatan Teknologi Binaan, IBTE Kampus Nakhoda Ragam, Awang Noorisman bin Mentarais dan para tenaga pengajar sekolah tersebut.

Program ini antaranya bertujuan untuk menanamkan rasa cinta kepada raja, bangsa dan negara di samping menyuntik semangat patriotisme dalam diri para penuntut melalui taklimat yang disampaikan. Program ini juga dihasratkan bagi mendukung matlamat Wawasan Brunei 2035 dan inisiatif dalam Dasar Belia Negara dan Strategi 2020-2035.

Taklimat membawakan tajuk 'Peranan dan Tanggungjawab Sebagai Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Oleh : Aimi Sani

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



Darussalam' disampaikan oleh Ketua Seksyen Komunikasi Strategik, Jabatan Penerangan, Dayang Mufidah binti Abdul Hakim.

Kandungan taklimat antara lain

menyentuh mengenai peranan dan tanggungjawab rakyat kepada negara dan pemerintah, masyarakat serta keluarga dalam sama-sama menyumbang untuk kesejahteraan negara.

Meningkatkan kefahaman kepentingan Cukai Pendapatan Korporat

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kewangan dan Ekonomi

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 13 Februari. - Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE) melalui Bahagian Hasil mengadakan Sesi Pembarigaan Cukai Pendapatan Korporat pada baru-baru ini yang berlangsung di Bilik Serbaguna 2, Tingkat 3, Island Block, MOFE.

Sesi berkenaan bertujuan untuk meningkatkan kefahaman kepada syarikat-syarikat perniagaan mengenai skop percukaian di negara ini di samping untuk meningkatkan kesedaran terhadap obligasi dan tanggungjawab syarikat-syarikat perniagaan ke atas pematuhan Cukai Pendapatan Korporat.

Dalam taklimat berkenaan, pegawai dari Bahagian Hasil telah menjelaskan secara menyeluruh antaranya tentang asas penaksiran cukai, pematuhan untuk pemfailan penyata cukai dan perkiraan cukai, selaras dengan Akta Cukai Pendapatan, Penggal 35.

Sesi pembarigaan berkenaan



SESI Pembarigaan Cukai Pendapatan Korporat yang berlangsung di Bilik Serbaguna 2, Tingkat 3, Island Block, Kementerian Kewangan dan Ekonomi (kiri dan kanan).

adalah salah satu usaha berterusan MOFE dalam memperkukuh lagi tahap pematuhan cukai dan meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan cukai korporat kepada orang ramai terutama dalam kalangan pembayar cukai di negara ini.



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Semai Semangat Patriotisme'. Tarikh Tutup : 19 Februari 2025
- 'Pendidikan Ugama Berperanan Menyemai Akhlak Mulia'. Tarikh Tutup : 26 Februari 2025
- 'Hargai Khazanah Alam Semula Jadi'. Tarikh Tutup : 5 Mac 2025

TERMA DAN SYARAT :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Sukuk Al-Ijarah jangka pendek ke-244

Siaran Akhbar : Brunei Darussalam Central Bank

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 12 Februari. - Brunei Darussalam Central Bank (BDCB), ejen kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam mengurus dan mentadbir pengeluaran Sukuk Al-Ijarah dengan sukacitanya mengumumkan kejayaan penentuan harga bagi pengeluaran Sekuriti Sukuk Al-Ijarah jangka pendek ke-244.

Jumlah pengeluaran Sukuk Siri Ke-244 adalah sejumlah BND55 juta, iaitu tarikh pengeluaran pada 6 Februari 2025, sementara tarikh matang adalah pada 8 Mei 2025 dalam jangka masa tenor selama 91 hari pada kadar sewa 2.5625 peratus.

Dengan pengeluaran tersebut, kerajaan Negara Brunei Darussalam setakat ini telah mengeluarkan lebih BND17.53 bilion nilai Sekuriti Sukuk Al-Ijarah jangka pendek, sejak tawaran pertama pada 6 April 2006 dan baki tertunggak pegangan jumlah Sukuk Kerajaan Brunei sehingga 6 Februari 2025 berjumlah BND290.75 juta.



IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING

1. **Teliti Skim Iklan** sebelum memohon.

2. **Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan** skim iklan akan ditolak.

1. **Lengkapkan Profil PSCR 2.0** (WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)
2. **Lengkapkan Kelulusan** (Penetapan / pengisian surat sokok / surat kelulusan)
3. **Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap** (Salinan / gambar dan pengisian Padu Kelulusan Pendidikan Kalkulasi (PKK) yang terkini)
4. **Tandakan "X"** pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pendaftaran Kerja Kerajaan"
5. **Lengkapkan Maklumat** (Pencapaian / pengalaman / Rujukan Perkhidmatan Awam / tahun-tahun / kelayakan profesional dan lain-lain yang dipaparkan di dalam skim iklan)



JAWATAN, TANGGA GAJI DAN BILANGAN IKLAN	URUS SETIA PENGAMBILAN	KEKOSONGAN	JENIS IKLAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN
1. PEGAWAI KEWANGAN KANAN B.3 (BAHAGIAN II) JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK 2025/JAN/02/KKW	KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI	01	38(A)	19 FEBRUARI 2025
2. JURUTEKNIK FOTO TINGKAT II D.1 EB.2-3 (BAHAGIAN IV) DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA 2025/JAN/06/KKBS	KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN	01	7(A)	19 FEBRUARI 2025
3. PEMUNGUT E.2-3 EB.4 (BAHAGIAN V) JABATAN MUZIUM-MUZIUM 2025/JAN/05/KKBS	KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN	02	7(A)	19 FEBRUARI 2025
4. PEKERJA TEKNIKAL TINGKAT KHAS D.1-2-3 EB.4-5 (BAHAGIAN IV) JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA 2025/JAN/09/KHDN	KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI	01	7(A)	19 FEBRUARI 2025
5. PEGAWAI KESIHATAN BERSEKUTU (AUDIOLOGY) M.13-14 EB.15 (BAHAGIAN II) KEMENTERIAN KESIHATAN 2025/JAN/05/KKS	KEMENTERIAN KESIHATAN	04	7(A)	19 FEBRUARI 2025
6. PEGAWAI KESIHATAN BERSEKUTU (PHARMACY) M.13-14 EB.15 (BAHAGIAN II) JABATAN PERKHIDMATAN FARMASI 2025/JAN/03/KKS	KEMENTERIAN KESIHATAN	10	7(A)	19 FEBRUARI 2025
7. PEGAWAI KESIHATAN BERSEKUTU (SPEECH AND LANGUAGE THERAPY) M.13-14 EB.15 (BAHAGIAN II) JABATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN 2025/JAN/04/KKS	KEMENTERIAN KESIHATAN	17	7(A)	19 FEBRUARI 2025
8. PEGAWAI KEWANGAN KANAN B.3 (BAHAGIAN II) KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI 2025/FEB/03/KKW	KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI	02	38(A)	22 FEBRUARI 2025
9. PENYELIA PEJABAT C.1-2 EB.3 (BAHAGIAN III) JABATAN-JABATAN KERAJAAN 2025/FEB/03/JJK	JABATAN PERKHIDMATAN AWAM	06	38(A)	22 FEBRUARI 2025
10. JURUTERA B.2 EB.3 (BAHAGIAN II) JABATAN KERJA RAYA 2025/FEB/04/KPBG	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	09	7(A)	22 FEBRUARI 2025
11. JURUKUR BAHAN B.2 EB.3 (BAHAGIAN II) JABATAN KERJA RAYA 2025/FEB/03/KPBG	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	02	7(A)	22 FEBRUARI 2025
12. PENGAWAS TINGKAT I D.4 EB.5 (BAHAGIAN IV) PEJABAT DAERAH BRUNEI DAN MUARA 2025/FEB/01/KHDN	KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI	01	7(A)	22 FEBRUARI 2025
13. PENOLONG JURUTEKNIK PEMELIHARAAN C.2-3 EB.4 (BAHAGIAN III) JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI 2025/JAN/01/JPM	JABATAN PERDANA MENTERI	02	7(A)	22 FEBRUARI 2025
14. PENOLONG PEMERIKSA BURUH D.4 EB.5-6 (BAHAGIAN IV) JABATAN BURUH 2025/JAN/07/KHDN	KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI	01	7(A)	22 FEBRUARI 2025
15. PENOLONG PEGAWAI KEWANGAN TINGKAT I C.3-4 EB.5 (BAHAGIAN III) JABATAN-JABATAN KERAJAAN 2025/JAN/01/KKW	KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI	02	7(A)	22 FEBRUARI 2025

PERINGATAN:
1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSCR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".
2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIKLANKAN DI BAWAH PERATURAN 7(A) SAHAJA.
3. PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN



**JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Tawaran :
JMK / BJS / A /
2025-2026 / 002

Tajuk Tawaran :
Tawaran Bagi
Kerja-Kerja Membersihkan
Kawasan Luar Dan
Dalam Bangunan Darulifta
Brunei Darussalam,
Jabatan Mufti Kerajaan,
Jabatan Perdana Menteri,
Simpang 26,
Jalan Pengiran Babu Raja,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam
(Blok Pentadbiran
Dan Perpustakaan Islam
Brunei Darussalam)
Bagi Tempoh
Satu (1) Tahun

Bayaran
Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh
Tutup Tawaran :
Rabu,
5 Mac 2025M bersamaan
3 / 4 Ramadhan 1446H.
Jam 2.00 Petang.



**DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

**Makluman Pembatalan
Iklan Sebut Harga**

Bilangan Sebut Harga:
22 / DBP / SH
/ 2024 - 2025

**Nama Dokumen
Sebut Harga:**
Mencetak Buku
Terbitan Dewan Bahasa
dan Pustaka
Kementerian Kebudayaan,
Belia dan Sukan

Bilangan Tawaran :
JMK / PRL / A / 2025-2026 / 003

Tajuk Tawaran :
Tawaran Bagi
Kerja-Kerja Pemotongan
Rumput Dan
Pemeliharaan Landskap
Kawasan Luar Bangunan Darulifta
Brunei Darussalam,
Jabatan Mufti Kerajaan,
Jabatan Perdana Menteri,
Simpang 26,
Jalan Pengiran Babu Raja,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam
Bagi Tempoh
Satu (1) Tahun

Bayaran
Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh
Tutup Tawaran :
Rabu,
5 Mac 2025M bersamaan
3 / 4 Ramadhan 1446H
Jam 2.00 Petang.



**Jabatan
Pembangunan Masyarakat
Kementerian Kebudayaan,
Belia Dan Sukan**

Kenyataan Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga:
JAPEM / KRK / RAMADHAN /
2025

Tajuk Sebut Harga:
Pembekalan Makanan
Residen Dan Penghuni
Kompleks Rumah Kebajikan
(KRK) Belimbing,
Subok Bagi
Bulan Ramadhan 1446 / 2025

Tarikh
Tutup Sebut Harga:
Khamis,
27 Februari 2025.
Jam 2.00 Petang.



**KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA**

**Tawaran Perkhidmatan
Bagi Sekolah Ugama Dan
Arab Jabatan Pengajian Islam,
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun**

**Daerah
Brunei Dan Muara**

Bilangan Tawaran:
KHEU / JPI / KANTIN / 12 / 06

Nama Sekolah Ugama:
Sekolah Ugama Pelambayan,
Kawasan Brunei I

Bilangan Tawaran:
KHEU / JPI / KANTIN / 44 / 06

Nama Sekolah Ugama:
Sekolah Ugama Batu Marang,
Kawasan Brunei IIB

Bilangan Tawaran:
KHEU / JPI / KANTIN / 20 / 06

Nama Sekolah Ugama:
Sekolah Ugama Tanah Jambu,
Kawasan Brunei IIB

Bilangan Tawaran:
KHEU / JPI / KANTIN / 02 / 06

Nama Sekolah Ugama:
Sekolah Menengah Arab Laki-Laki
Hassanal Bolkiah KM2,
Jalan Raja Isteri Pengiran
Anak Saleha B

Bayaran:
BND10.00
(Bayaran Tidak Dikembalikan)

Daerah Tutong

Bilangan Tawaran:
KHEU / JPI / KANTIN / 43 / 06

Nama Sekolah Ugama:
Sekolah Ugama Kiudang,
Tutong

Bayaran:
BND10.00
(Bayaran Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Rabu,
5 Mac 2025M bersamaan
3 / 4 Ramadhan 1446H.
Jam 12.00
Tengah Hari.




**UNIVERSITI ISLAM SULTAN
SHARIF ALI**

Calon-calon yang terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang memenuhi syarat-syarat kelayakan seperti di bawah adalah dipelawa untuk memohon jawatan berikut :

Jawatan:

Kerani Kewangan
Universiti Islam Sultan Sharif Ali

Bahagian:

IV

Tangga Gaji :

D.1-2-3 EB.4-5
(BND530.00 - BND1,625.00 EB
Khas BND1,665.00 -
BND1,825.00 Sebulan)

Tatacara Permohonan :

Borang permohonan – Form P1 (Borang P1) bolehlah, didapati dan diisi melalui dalam talian di laman sesawang:

<https://unissa.edu.bn/>

[application/form-p1-borang-p1-non-academic-post-local/](https://unissa.edu.bn/application/form-p1-borang-p1-non-academic-post-local/)

Setelah lengkap mengisi borang permohonan melalui dalam talian, pemohon akan diberikan Application Reference No. (ARN) dan pemohon dikehendaki untuk menghantar e-mel ARN tersebut ke recruitment@unissa.edu.bn.

Jika ada sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi hotline Pejabat Sumber Tenaga Manusia UNISSA +673 8687055 semasa waktu pejabat atau e-mel kepada recruitment@unissa.edu.bn

Tarikh
Buka Permohonan:

Rabu,
12 Februari 2025.

Tarikh
Tutup Permohonan:

Rabu,
26 Februari 2025.

Rujukan Iklan:

UNISSA / IJK / KW / 1 / 2025


**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**
Bilangan Sebut Harga:

APM.2024-2025 / SH-06(R)

Tajuk Sebut Harga:

Waste Collection And Disposal Services At Brunei International Airport

Kelas dan Kategori Kerja:

Kelas: I ke atas; Kategori Kerja: S01

Tarikh Tutup Sebut Harga:

Rabu,
19 Februari 2025.
Jam 2.30 Petang.

Yuran Sebut Harga:

BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Dokumen sebut harga boleh diperoleh pada hari-hari bekerja berikut:

Isnin Hingga Khamis:
8.30 Pagi – 11.00 Pagi
1.30 Petang – 2.30 Petang

Sabtu:

8.30 Pagi – 10.30 Pagi

Penerangan lanjut mengenai sebut harga boleh diperoleh dengan menghubungi **Pejabat Pengurusan Lapangan Terbang** di talian +673 2330142 sambungan 1426 atau melalui e-mel procurement.apm@dca.gov.bn


**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI**
Bilangan Tawaran:

JPE / LTK / PDP / 084 / 2024

Tajuk Tawaran:

Supply, Delivery, Testing and Commissioning of SEPAM 2000 BCU Cartridge at 66kV Substation

Tarikh Tutup:

Selasa,
25 Februari 2025.
2.00 Petang.

Yuran Tawaran:

BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup :

"Tender Box"
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Jabatan Perdana Menteri, Bangunan Jabatan Perdana Menteri, Bandar Seri Begawan, BB3913, Negara Brunei Darussalam.

Kelayakan:

Syarikat Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan dalam Kelas 3, 4 Atau 5 Dan Mempunyai Kategori E03

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan yang lanjut bolehlah diperoleh dari **Bahagian Kaunter Unit Tawaran dan Sebut Harga, Tingkat 4, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri.**

Perhatian:

Sila sertakan salinan "Business Names Enactment, 1958 – Section 16 & 17" dan sijil pendaftaran pemborong (MOD) semasa menghantar dokumen ini ke Jabatan Perkhidmatan Elektrik.


No. Projek :

2025DBSBM / MOFE.01

Yuran Tawaran :

BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Akhir Mengambil

Dokumen Tawaran :
Selasa,
25 Februari 2025.

Tarikh Tutup Tawaran :

Selasa,
11 Mac 2025.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.


**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Dibukakan kepada **Pemborong-Pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan** di dalam

Kelas :
II & III sahaja

Kategori :
B01 - (Kod Baharu)

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSBM001 / 2025

Nama Projek :
Kerja-Kerja Pemeliharaan Bagi Bumbung Tingkap Langit Di Bangunan Kementerian Kewangan Dan Ekonomi, Jalan Commonwealth Drive, Negara Brunei Darussalam


**JABATAN KASTAM DAN
EKSAIS DIRAJA
KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI**

Pembekalan, Penghantaran, Pemasangan Dan Pengujian Peralatan Mesin Pencetak Berwarna Bagi Kegunaan Jabatan Kastam Dan Eksais Diraja Kementerian Kewangan Dan Ekonomi

Rujukan Sebut Harga:

JKED / TAWARAN / UPICT / BPPK / Q / 2024-36

Tarikh Tutup
Sebut Harga :

Selasa,
18 Februari 2025.
Jam 2.00
Petang.


**PERATURAN
PENGIKLAMAN
(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)
DI PELITA BRUNEI**

IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA.**

Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



برساتو منچاڤاي چيتانگارا
Bersatu Mencapai Cita Negara
١٤٤٦ شعبان ٢٤ / 23 Februari 2025

كيبركنله

Kibarkanlah bendera kebangsaan & bendera peribadi



Bermula 16 hingga 26 Syaaban 1446H bersamaan 15 hingga 25 Februari 2025M

سمبوتن اولغ تاهون هاري كبغساغن نكارا بروني دارالسلام ك-٤١، تاهون ٢٠٢٥
Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-41, Tahun 2025

١٤٤٦ شعبان ٢٤ / 23 Februari 2025



www.information.gov.bn
www.pelitabrunei.gov.bn | www.infofoto.gov.bn



Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.



برساتو منچاڤاي چيتانگارا
Bersatu Mencapai Cita Negara
۱۴۴۶ شعبان ۲۴ / 23 Februari 2025

کيبړکنلہ

Kibarkanlah

bendera kebangsaan & bendera peribadi

Bermula 16 hingga 26 Syaaban 1446H bersamaan 15 hingga 25 Februari 2025M

سمبوتن اولغ ستاهون هاري كبغساان
نگارا بروني دارالسلام ك-۴۱، تاهون ۲۰۲۵

Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan
Negara Brunei Darussalam Ke-41, Tahun 2025

۲۴ شعبان ۱۴۴۶ / 23 Februari 2025

nbd41
Tahun
2025



www.information.gov.bn
www.pelitabrunei.gov.bn | www.infoto.gov.bn



Jabatan Penerangan
Brunei Darussalam



Infodept.bn



Infodept_bn



Pelita Brunei



pelitabrunei



pelitabrunei

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

MAJLIS MENYERTU DEWAN SERBAGUNA PESATU



PUSAT Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Bahagian Pembangunan Muallaf (Kebajikan Muallaf) dengan kerjasama Unit Da'wah Daerah Tutong mengadakan Majlis Menyertu Dewan Serbaguna PESATU yang baharu (atas dan kanan).

Siaran Akhbar dan Foto : Pusat Da'wah Islamiah

TUTONG, Khamis, 13 Februari. - Bagi memastikan kebersihan Dewan Serbaguna Persatuan Saudara-saudara Baru Daerah Tutong (PESATU) dan keselesaan para pengguna dewan tersebut, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Bahagian Pembangunan Muallaf (Kebajikan Muallaf) dengan kerjasama Unit Da'wah Daerah Tutong mengadakan Majlis Menyertu Dewan Serbaguna PESATU yang baharu.

Dewan Serbaguna PESATU, terletak di Kampung Tanjong Panjang, Mukim Tanjong Maya, Daerah Tutong, dibina sebagai kemudahan untuk ahli-ahlinya dan para pengguna dalam

melaksanakan pelbagai aktiviti bermanfaat termasuk acara kebajikan dan majlis keagamaan serta program kerohanian bagi mengembangkan syiar Islam di negara ini.

Kerja-kerja pembinaan Dewan Serbaguna PESATU mula dilaksanakan pada 6 Julai 2023 dengan menggunakan peruntukan Kumpulan Wang Pentadbiran Am Majlis Ugama Islam Brunei yang berjumlah BND794,897.52.

Manakala, Majlis Peletakan Batu Asas Dewan Serbaguna PESATU tersebut telah diadakan pada 18 November 2023.

Acara dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah serta doa oleh



Penolong Pegawai Ugama selaku Penolong Ketua Bahagian Pembangunan Muallaf (Kebajikan Muallaf), PDI, Pengiran Haji Reduan bin Pengiran Haji Badaruddin. Seterusnya acara menyertu dimulakan oleh Pengarah PDI, Awang Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd. Salleh.

Pelbagai kemudahan disediakan di Dewan Serbaguna PESATU untuk memastikan keselesaan ahli-ahlinya dan para pengunjung seperti bilik sembahyang, tempat berwuduk, bilik stor, tempat letak kereta dan tandas termasuk untuk Orang Kelainan Upaya.

Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia
Sila muat turun
PenggunaBijak

Ambuk / 'Long-tailed macaque'

Nama Binatang :
Long-tailed macaque

Order : Primates

Nama Tempatan :
Ambuk

Kelas Spesies : Mammals

Nama Saintifik :
Macaca fascicularis

IUCN : Endangered / Terancam

CITES : Appendix 2

Maklumat disediakan oleh : Bahagian Hidupan Liar, Jabatan Perhutanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

DALAM edisi Kenali Hidupan Liar Kitani bulan ini, kita akan memulakan dengan dunia mamalia yang menarik, khususnya Ambuk atau *Long-tailed monkey* yang dikenali secara saintifik sebagai *Macaca fascicularis*.

Ambuk kebanyakannya mendiami di hutan-hutan dan hutan bakau, dengan ukuran badan antara 40 sentimeter (cm) hingga 60cm dan ekornya yang menambahkan 50cm - 70cm. Walaupun saiznya agak kecil berbanding primat lain, Ambuk memiliki tubuh yang tegap dan fizikal yang berotot, berat badannya boleh mencapai 5 kilogram (kg) hingga 10kg. Ambuk mempunyai bulu yang berwarna daripada kelabu hingga coklat, dengan bahagian perut yang lebih cerah.

Ambuk juga dikenali sebagai monyet memakan ketam. Walau bagaimanapun, mereka adalah omnivor yang adaptif, mampu memakan pelbagai jenis buah-buahan, serangga, mamalia kecil, dan daun. Namun begitu, mereka lebih suka memakan buah-buahan dan sayur-sayuran,

ditambah dengan makanan berprotein tinggi seperti telur. Mereka memainkan peranan penting dalam ekosistem, dengan mengawal pertumbuhan hutan dan binatang-binatang perosak, menyebarkan benih pokok buah-buahan dan membantu kesuburan kawasan hutan.

Ancaman yang dihadapi oleh Ambuk adalah pelbagai. Spesies ini terancam terutamanya oleh kehilangan habitat, menyebabkan mereka berkeliaran dalam kumpulan dan terperangkap dalam hutan yang terpecah dekat dengan kawasan kependudukan manusia. Oleh itu, mereka mencari makanan di kawasan manusia, yang membawa kepada konflik antara manusia dan monyet. Ini mencipta pandangan negatif terhadap Ambuk sebagai perosak atau haiwan yang mungkin menyebabkan jangkitan penyakit seperti Rabies, Ebola dan Monkeypox. Akibatnya, mereka sering diburu, menyebabkan penurunan populasi mereka di habitat liar.

Ambuk kini disenaraikan sebagai 'Terancam' dalam Senarai Merah Kesatuan Antarabangsa untuk Pemuliharaan Alam (IUCN) dan berada dalam Lampiran 2 Konvensyen Perdagangan Antarabangsa



Sumber Foto : Bahrin Yussof, BWPC 2022, JPH

Spesies Terancam (CITES). Memandangkan spesies ini terancam dengan kepupusan, perdagangan mamalia ini perlu sering dikawal dan dipantau selalu.

Ada beberapa langkah untuk mengurangkan konflik dengan Ambuk. Kita perlu mengelakkan daripada memberi makan, menoleh ke arah mata Ambuk, mengejek, menunjukkan gigi, menjerit, mengambil gambar atau menggunakan beg plastik kerana tindakan ini boleh menyebabkan mereka menyerang.

Apabila terserempak dengan sekumpulan Ambuk, kita sepatutnya harus bertenang dan jangan panik, cuba menukar haluan lain dan menyimpan barang ke dalam beg.

Berikut adalah beberapa tip untuk mengurangkan risiko konflik manusia dengan Ambuk :

- 1) Jaga kebersihan persekitaran
- 2) Ikat atau tutup tong sampah menggunakan tali atau objek berat

supaya mereka tidak menyebabkan pencemaran sampah

3) Menggunakan ular plastik di sekitar kebun untuk menghalau Ambuk dari kawasan rumah. Pastikan biskita memindahkan ular-ular tersebut setiap beberapa hari supaya Ambuk tidak menyangka bahawa ular tersebut adalah palsu

Sekian sahaja Kenali Hidupan Liar Kitani untuk bulan ini. Semoga kita semua dapat memahami dan menghargai keunikan serta kepentingan spesies hidupan liar seperti Ambuk ini dalam ekosistem kita. Sila ikuti setiap keluaran bulanan Kenali Hidupan Liar Kitani dan bagi melihat foto-foto spesies hidupan liar *kitani* yang telah dipaparkan dan maklumat lanjut berkenaan spesies tersebut, sila layari dan ikuti akaun Instagram Jabatan Perhutanan : [forestry.borneo](https://www.instagram.com/forestry.borneo). Lindungi hidupan liar *kitani* untuk memulihara hutan *kitani*.



Pelita Brunei 69 Tahun : Teguh berdiri mendepani cabaran dalam dunia akhbar

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail
Foto : Jabatan Penerangan

DENGAN hasrat agar seluruh rakyat dan penduduk di negara ini mengetahui hal ehwal negara maka terbitan pertama Pelita Brunei, sebuah akhbar rasmi kerajaan diterbitkan pada 15 Februari 1956.

Sepanjang penerbitan Pelita Brunei, pelbagai perubahan yang telah dibuat bagi memenuhi kehendak orang ramai agar ia akan menjadi salah satu bahan bacaan yang penting. Justeru, kerana pengisian berita yang telus dan sah maka tidak hairanlah Pelita Brunei kekal menjadi pilihan terutama sekali bagi mereka yang memerlukan maklumat yang tidak diragukan kesahihannya. Sejak diterbitkan pada 1956 hingga kini, akhbar Pelita Brunei kekal menjadi pilihan utama masyarakat pelbagai peringkat negara ini untuk mengikuti kandungan berita, maklumat dan ilmu.

Sepanjang 69 tahun diterbitkan, Pelita Brunei terus meniti usianya menghadapi cabaran teknologi yang berkembang pesat sehingga memerlukan inisiatif, kreativiti serta inovatif agar transformasi Pelita Brunei

berjalan seiring dengan keperluan peredaran semasa. Ini merupakan perjalanan bercampur kebanggaan dan cabaran, terutama dalam memenuhi aspirasi akhbar Pelita Brunei.

Kredibiliti dan kebolehpercayaan merupakan dua aset terpenting kepada mana-mana syarikat media. Akhbar ini akan terus membina kredibiliti dan keyakinan pembaca kerana mereka adalah pelanggan. Mereka melanggan dengan hasil rezeki dan titik peluh dan berhak kepada pemberitaan dan laporan dengan had-had tertentu.

Kejayaan dan kelangsungan institusi media bergantung kepada kepercayaan masyarakat. Sejak ia mula diterbitkan, akhbar Pelita Brunei telah memainkan peranan besar dalam kehidupan masyarakat ketika itu yang mana pembarigaan maklumat agak rendah.

Pelita Brunei dalam talian

Selain mengekalkan penerbitan cetakan akhbar Pelita Brunei hingga kini, portal berita Pelita Brunei dalam talian juga terus menjadi tumpuan dan pilihan pembaca dalam talian

untuk memperoleh maklumat dan perkembangan terkini isu semasa.

Media baharu dan internet telah banyak mengubah cara masyarakat untuk mendapatkan maklumat yang kini tidak saja terbatas menerusi akhbar, malah pelbagai medium lain, termasuk telefon bimbit. Apa yang disiarkan akhbar hari ini juga mungkin bukan lagi berita kerana maklumat itu sudah pun tersebar meluas dalam media sosial. Inilah yang sedang digarap Pelita Brunei dengan mengimbangkan kelebihan media baharu dan akhbar yang sudah tentu masih mempunyai kekuatan dan keunikannya tersendiri.

Maklumat di hujung jari awda dan inilah yang dapat digambarkan berkenaan Pelita Brunei. Aplikasi mudah alih diperkenalkan untuk memudahkan orang ramai mengetahui antara berita-berita utama yang dimuatkan dalam laman sesawang Pelita Brunei. Aplikasi mudah alih InfoDeptBN boleh dimuat turun ke dalam telefon bimbit bagi pengguna Apple dan Android. Selain itu, pembaca juga boleh mendapatkan versi digital secara interaktif melalui e-Paper (Flipping Book). Jumlah pembaca Pelita Brunei dalam talian

menunjukkan peningkatan yang positif dan ini jelas menunjukkan bahawa Pelita Brunei masih lagi relevan dan menjadi pilihan pembaca dalam kalangan masyarakat Brunei.

Dalam dunia ICT, X, Facebook, Instagram, YouTube, Snapchat, *blog* bukan lagi merupakan sesuatu yang asing tetapi sudah menjadi sebahagian kehidupan warga dunia masa kini termasuk rakyat di negara ini. Melalui media baharu ini, penyebaran maklumat lebih cepat tersebar daripada media cetak, terutama sekali dalam aplikasi WhatsApp. Melihat cabaran baharu ini, Pelita Brunei juga tidak ketinggalan menggunakan platform media sosial ini untuk menyampaikan maklumat. Apa yang penting orang ramai dapat menerima maklumat yang disampaikan walau di mana jua berada. Walaupun terdapat cabaran dalam dunia ICT terutama sekali dalam menangani sebarang maklumat atau fakta yang kurang jelas kesahihannya tetapi Pelita Brunei sebagai sebuah akhbar rasmi kerajaan tetap teguh menampilkan kredibiliti serta kecemerlangan dalam menyampaikan maklumat.

>> Muka 27





STATISTIK PELITA BRUNEI ONLINE (JANUARI - DISEMBER 2024)

>> Muka 26

Pembaharuan Pelita Brunei

Tidak dinafikan mana-mana akhbar akan cuba berusaha untuk menarik perhatian pembaca agar tetap menjadi akhbar pilihan pembaca. Untuk merealisasikan hasrat ke arah peningkatan mutu penerbitan Pelita Brunei, beberapa pembaharuan untuk memastikan Pelita Brunei dibuat supaya lebih kreatif, kekal menarik dan terarah. Antara pembaharuan yang telah dibuat ialah reka letak pada muka depan menampilkan rekaan yang lebih 'ringkas dan segar' sesuai dengan tuntutan teknologi masa kini. Selain itu, perubahan nama akhbar Pelita Brunei (*masthead*) juga mengalami beberapa perubahan daripada segi penggunaan mohor kerajaan, warna, logo, tulisan kaligrafi Jawi dan latar belakang bercorak *air mulih* menampilkan imej Pelita Brunei lebih menarik. Sehingga ke hari ini, *masthead* Pelita Brunei sudah melalui pertukaran sebanyak 12 kali.

Transformasi dan penambahbaikan yang progresif diharap akan dapat dicapai menerusi transformasi minda serta sikap positif yang akan bertindak sebagai pemangkin kepada kecemerlangan Pelita Brunei jua.

Ruang-ruang dalam Pelita Brunei

Akhbar Pelita Brunei banyak menampilkan berita dan rencana untuk orang ramai. Jadi tidak keterlaluan jika dikatakan Pelita Brunei tetap unggul dalam dunia media di negara ini dengan penambahan beberapa ruang serta reka letak yang semakin menarik dan kreatif. Begitu juga dengan penulisan berita-berita yang efektif, informatif dan menarik sesuai untuk santapan pembaca di luar sana. Fakta serta data-data berita yang diperoleh adalah sahih yang mana inilah menjadi kekuatan Pelita Brunei dalam pembarigakan maklumat kepada orang ramai.

Mungkin ada kalangan generasi baharu yang tidak mengetahui bahawa Pelita Brunei pernah menyediakan satu ruang untuk berita-berita diterbitkan dalam Bahasa Cina pada tahun 1975 hingga 1980. Ruang ini kemudian diganti dengan Bahasa Inggeris. Pada masa ini, akhbar Pelita Brunei diterbitkan 100 peratus dalam bahasa Melayu.

Bagi mencapai sasaran pembaca belia, terdapat ruang-ruang khusus untuk golongan ini dengan harapan agar isi kandungan ini akan dapat menarik minat serta menjadi penyuntik semangat untuk dijadikan contoh

seperti ruang Belia Berwawasan, Trend, Industri Kotej, Lensa Pelajar.

Seperti akhbar lain, Pelita Brunei juga mempunyai ruang iklan bagi sebarang permohonan iklan dari kementerian / jabatan manakala bagi agensi swasta yang berhajat untuk memohon pengiklanan akan dikenakan bayaran mengikut peraturan yang ditetapkan.

Petugas di belakang tabir Pelita Brunei

Tidak akan bergerak sesuatu kejayaan tanpa ada orang yang bertanggungjawab di belakangnya untuk meneruskan imej akhbar rasmi ini. Para pemberita, penyunting, penyemak, pereka letak, jurugambar adalah mereka yang bekerja bertungkus lumus tanpa mengira cuti awam atau cuti khas untuk menyiapkan dan menerbitkan akhbar Pelita Brunei. Inilah keunikan jadual para petugas pemberita di mana mereka akan bertugas mengikut giliran di keempat-empat daerah sama ada siang atau malam semata-mata untuk liputan positif yang disiarkan di media cetak dan digital.

Kecekalan para petugas Pelita Brunei untuk menjalankan tanggungjawab yang diberikan bukanlah sesuatu yang boleh dipandang

ringan kerana mereka ini membawa tanggungjawab yang berat untuk menyampaikan maklumat yang boleh dipercayai dan sahih kepada orang ramai.

Kesimpulan

Satu perkara yang jelas, apa pun perubahan atau pembaharuan yang dilakukan sama ada dalam aspek reka letak, kandungan atau saiz akhbar, Pelita Brunei tetap sama, iaitu menyampaikan maklumat yang sahih tentang hal-hal yang berlaku sama ada melalui liputan mahupun penulisan rencana yang diolah dengan lebih terperinci lagi.

Jika difikirkan usia 69 tahun sudah boleh dikatakan 'berusia' ibarat warga emas, banyak pengalaman serta menyimpan banyak cerita tetapi jasa Pelita Brunei dalam sama-sama membarigakan maklumat akan terus berlanjutan untuk generasi yang akan datang tanpa mengira siapa yang akan menerajui akhbar Pelita Brunei.

Semoga Pelita Brunei akan terus berkembang maju, memberikan inspirasi kepada segenap lapisan masyarakat di negara ini serta kekal menjadi sebuah akhbar yang dipercayai.

Selamat Ulang Tahun Ke-69 Pelita Brunei.



MEMBINA KEPERCAYAAN, MEMPERKUKUH KERJASAMA PUSAT STEP, PEMIMPIN SEKOLAH



SESI bergambar ramai pada Pembarigaan Program-program Pusat STEP 2025 bertempat di Dewan Atria Simpur, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan

BERAKAS, Rabu, 12 Februari. - Kementerian Pendidikan melalui Pusat Kerjasama Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Pusat STEP) baru - baru ini mengadakan Pembarigaan Program-program Pusat STEP 2025 bertempat di Dewan Atria Simpur, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya.

Seramai 50 pemimpin sekolah serta wakil daripada sekolah rendah, menengah, maktab dan Pusat Tingkatan Enam (PTE) daripada Kluster 1 di bawah Kementerian Pendidikan

menghadiri sesi pembarigaan hari ini.

Sesi dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Pegawai Pelajaran Kanan dari Pusat STEP, Awang Misli bin Moxsin yang menjelaskan mengenai Science, Technology, Engineering, Arts and Mathematics (STEAM) sebagai pendekatan dalam pengajaran dan pembelajaran.

Sesi diteruskan dengan perkongsian mengenai perkhidmatan yang disediakan oleh Pusat STEP, termasuk

Program STEAM dan inisiatif hijau serta hubung kaitnya dengan program-program yang ditawarkan di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa.

Sesi berkenaan juga diisikan dengan pengumuman dan penyampaian sijil kepada para penerima STEAM Active School 2024. Pengiktirafan berkenaan diberikan kepada sekolah-sekolah yang giat dan aktif menyertai program-program anjuran Pusat STEP pada 2023 dan 2024.

Penerima STEAM Active School 2024 bagi Kluster 1 dalam Kategori Sekolah Rendah ialah Sekolah

Rendah Amo, Temburong, manakala bagi Kategori Sekolah Menengah dan PTE ialah Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah.

Para pemimpin sekolah turut diberikan peluang untuk bersemuka dan berbincang dengan pegawai fokus bagi program-program yang disediakan Pusat STEP. Perbincangan berkenaan bertujuan untuk memberikan pemahaman yang lebih mendalam mengenai kandungan dan kepentingan Program-program STEAM serta inisiatif hijau yang telah

dibarigakan. Melalui sesi berkenaan, diharap para pemimpin sekolah dapat memahami dengan lebih jelas tahap pelaksanaan Program STEAM dan inisiatif hijau di sekolah masing-masing.

Pembarigaan Program-program Pusat STEP 2025 berkenaan juga bertujuan untuk membina kepercayaan serta memperkukuh hubungan kerjasama antara Pusat STEP dan para pemimpin sekolah.

Inisiatif berkenaan juga dilaksanakan untuk meningkatkan kesedaran, memperluas penyertaan, dan menggalakkan penglibatan aktif sekolah dalam perkhidmatan serta program-program yang disediakan Pusat STEP, bagi memastikan pelaksanaannya di peringkat sekolah berjalan dengan mantap dan berkesan dalam jangka masa panjang.

Sesi berkenaan turut disampaikan kepada para pemimpin sekolah serta wakil daripada semua kluster di bawah Kementerian Pendidikan, dan akan dilaksanakan mengikut tarikh-tarikh yang telah ditetapkan.

TREND Magazine Photobox beri pengalaman berbeza, unik

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Ihsan @papanputih.bn

DALAM era digital yang semakin berkembang, era perkahwinan turut mengalami perubahan yang pesat dengan pelbagai inovasi baharu. Salah satu trend yang semakin mendapat perhatian ialah Magazine Photobox, iaitu konsep fotografi yang menyerupai muka depan majalah fesyen atau gaya hidup. Keunikan konsep ini bukan sahaja menjadikan sesuatu majlis lebih eksklusif, malah turut memberikan pengalaman berbeza kepada para tetamu yang hadir.

Magazine Photobox ialah sebuah photobooth yang direka menyerupai muka depan majalah. Ia menggunakan bingkai besar dengan reka bentuk grafik yang mengandungi tajuk, tagline dan elemen visual lain bagi memberikan kesan seolah-olah individu yang bergambar berada di muka hadapan majalah sebenar. Dengan pencahayaan yang tepat dan latar belakang yang sesuai, kesan glamor dan elegan dapat ditonjolkan dalam setiap gambar yang diambil.

Berbeza dengan photobooth yang lain, konsep ini menawarkan pengalaman bergambar yang lebih kreatif dan unik, menjadikan tetamu terasa seperti model profesional dalam sesi penggambaran majalah dan sesuai untuk pelbagai acara termasuk perkahwinan, korporat, sambutan hari jadi, malam gala dan sebagainya. Konsep ini juga turut mendapat perhatian kepada penganjur acara yang ingin memberikan pengalaman


eksklusif kepada tetamu mereka. Tambahan pula, dengan populariti media sosial seperti Instagram, Facebook dan TikTok, Magazine Photobox menjadi daya tarikan utama untuk tetamu berkongsi gambar mereka, sementara pasangan pengantin atau penganjur acara boleh menetapkan hashtag khas bagi mengumpulkan semua gambar di satu platform media sosial.

Dalam dunia yang dipacu oleh media sosial, pengguna cenderung untuk berkongsi gambar menarik mereka di sosial media. Oleh itu, Magazine Photobox menjadi pilihan yang sesuai kerana menghasilkan gambar yang estetik dan sesuai untuk tatapan umum.

Gambar-gambar yang diambil juga dapat menjadi kenangan yang berharga bagi para tetamu.

Pada temu bual bersama Dayang Asqina Azreena binti Haji Masri, pengusaha yang menawarkan perkhidmatan Magazine Photobox melalui akaun Instagram @papanputih.bn berkata, teretusnya idea untuk membuat Magazine Photobox apabila suami beliau yang begitu mahir dalam pertukangan kayu cuba untuk membuat suatu yang belum pernah dibuat oleh mana-mana peniaga di Negara Brunei Darussalam.

"Saya terlihat satu klip video TikTok di



penganjur acara serta para tetamu yang hadir. Bagi orang ramai yang ingin mengetahui lebih lanjut mengenai tempahan harga yang ditawarkan, bolehlah mengunjungi akaun Instagram beliau, @papanputih.bn.

Trend Magazine Photobox bukan sekadar satu inovasi dalam fotografi, tetapi juga satu bentuk seni yang menggabungkan teknologi dan kreativiti. Dengan keunikannya, ia dijangka akan terus berkembang dan menjadi elemen penting dalam pelbagai acara sosial pada masa hadapan. Jika awda merancang untuk menjadikan majlis awda lebih istimewa dan berbeza daripada kebiasaan, trend ini pastinya satu pilihan yang boleh dicuba.

KEGIATAN TIDAK BERMORAL BERJAYA DIBERKAS

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 12 Februari. - Unit Siasatan Pencegahan Maksiat, Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ), Pasukan Penumpasan Perjudian dan Polis Diraja Brunei (PPDB) telah

berjaya menumpaskan aktiviti tidak bermoral dalam satu serbuan yang dijalankan di sebuah bilik sewa sebuah rumah di Mukim Gadong baru-baru ini.

Serbuan tersebut menyasarkan kegiatan haram yang dipercayai melibatkan tawaran khidmat seks dalam talian. Hasil pemeriksaan ke atas bilik-bilik yang disyaki, pihak polis berjaya menahan empat wanita warga tempatan berusia antara 37 hingga 46 tahun.

Turut dirampas sebagai bahan bukti ialah sejumlah wang tunai, beberapa keping kondom, pencuci kebersihan feminine serta beberapa unit telefon bimbit. Kesemua suspek bersama bahan bukti telah dibawa ke JSJ untuk siasatan lanjut.

Mereka akan disiasat di bawah Seksyen 294A, Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22 atas kesalahan menawarkan khidmat seks.

PPDB menegaskan bahawa pihaknya akan terus menjalankan



UNIT Siasatan Penumpasan Perjudian dan Pencegahan Maksiat, Jabatan Siasatan Jenayah, Pasukan Polis Diraja Brunei berjaya menumpaskan aktiviti tidak bermoral dalam satu serbuan yang dijalankan di sebuah bilik sewa sebuah rumah di Mukim Gadong (atas dan kiri).

pemantauan dan risikan serta mengambil tindakan tegas terhadap sebarang aktiviti jenayah yang menyalahi undang-undang di negara ini.

Orang ramai juga disarankan

untuk menyalurkan sebarang maklumat berkaitan jenayah dengan menghubungi Talian Kecemasan Polis 993 atau mana-mana balai polis yang berdekatan.

Cubaan seludup barang tegahan dipatahkan



BARANG larangan yang berjaya ditemukan semasa pemeriksaan dijalankan oleh Polis Marin (POLMAR), Jabatan Gerakan, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) (atas dan atas kanan).

TEMBURONG, Rabu, 12 Februari. - Polis Marin (POLMAR), Jabatan Gerakan, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) berjaya menggagalkan satu percubaan membawa masuk barang larangan yang tidak diisytiharkan melalui perairan negara.

Dalam kejadian yang berlaku sekitar tengah hari, baru-baru ini, bot peronda Polis Marin telah mengesan sebuah perahu yang bergerak laju, dipercayai datang dari negara jiran menuju ke Sungai Brunei. Bertindak atas kecurigaan, pihak polis segera mengejar perahu tersebut.

Menyedari kehadiran bot penguat kuasa, suspek bertindak melarikan diri ke kawasan hutan bakau dan meninggalkan perahu yang digunakannya.

Hasil pemeriksaan awal ke atas perahu yang ditinggalkan, anggota Polis Marin menemukan beberapa kotak berisi barang

larangan, termasuk rokok seludup dan minuman keras. Siasatan lanjut mendapati sejumlah 500 karton rokok dan 36 botol minuman keras disembunyikan di dalam perahu tersebut.

Kes ini disiasat mengikut Seksyen 146(1)(d) Perintah Eksais 2006. Semua barang rampasan, termasuk perahu telah diserahkan kepada Jabatan Kastam dan Eksais Diraja untuk tindakan dan siasatan lanjut.

POLMAR akan terus meningkatkan rondaan serta operasi bagi mambanteras sebarang aktiviti jenayah yang menggunakan perairan negara.

Orang ramai diseru untuk memberikan kerjasama dan melaporkan sebarang maklumat berkaitan kegiatan yang menyalahi undang-undang bagi memastikan keselamatan dan ketenteraman perairan Negara Brunei Darussalam terus terpelihara.



13 pelajar terokai asas pengkodan



PARA pelajar semasa sesi bergambar ramai pada Dynamik Technologies' Kids Can Code : Bench Adventure.

Siaran Akhbar dan Foto : Dynamik Technologies

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 12 Februari. - Seramai 13 pelajar dari pelbagai sekolah menyertai Dynamik Technologies' Kids Can Code : Bench Adventure, baru-baru ini.

Sesi tersebut memperkenalkan

peserta kepada asas pengkodan menggunakan Micro : bit melalui aktiviti interaktif dan praktikal.

Selain itu, program tersebut juga diteruskan dengan lawatan ke Dynamik Bench di Taman Mahkota Jubli Emas, di mana

pelajar mengaplikasikan kemahiran yang baharu mereka peroleh.

Lawatan itu juga menandakan perasmian Dynamik Bench dengan penampilan baharu, memberikan peluang kepada pelajar untuk belajar tentang tenaga solar dan aplikasinya.

PONI MARINE, ASTARI PAMER INOVASI DIGITAL, TEKNOLOGI MARITIM

Siaran Akhbar dan Foto : Poni Marine Brunei

BERAKAS, Rabu, 12 Februari. - Semasa berlangsungnya Pameran dan Persidangan Teknologi Petroleum Brunei (PTEC) 2025 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas baru-baru ini, Poni Marine dan ASTARI memperkenalkan kemajuan dalam integriti mekanikal bersama, pendigitalan dipacu Kecerdasan Buatan (AI), Alam Sekitar, strategi sosial dan tadbir urus (ESG) serta latihan maritim.

Pameran tersebut mengumpulkan industri profesional dari sektor tenaga, maritim dan kemampuhan untuk meneroka penyelesaian untuk keselamatan, kecekapan dan tanggungjawab alam sekitar.

Sesi pertama, 'Pemulihan Digital dalam Integriti Mekanikal Bersama', diketuai oleh Jurutera Produk di TDESB, Nurul Fazira Rahman, mengongsikan kepentingan pengendalian yang betul serta latihan dan penentuan alat dalam memanjangkan hayat aset dan keselamatan tempat kerja.

Sesi berkenaan juga

memperkenalkan JASBOLT dan proprietari perisian, menunjukkan cara penyelesaian digital menambah baik pemasangan, pengendalian dan daya kilas sambungan *boltd* pengiraan (*torque calculation*).

Pada sebelah petang pula, Ketua Pegawai Eksekutif Poni Group (Poni Marine & ASTARI), Mohd. Tahsin Wong, membentangkan tajuk 'Applying AI, Digitalization & Upskilling to Decarbonization & Your ESG Journey'.

Beliau membincangkan bagaimana AI, alatan digital dan pembangunan tenaga kerja membantu perniagaan menyepadukan prinsip ESG, mengurangkan jejak karbon dan sejajar dengan Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN SDG) 2030 dan Wawasan Brunei 2035.

Sesi terakhir, 'Kemudahan Latihan Simulator Menyelam' telah disampaikan oleh Pengarah Jualan APAC, Hytech - Pommech, Jack Ho, yang antara lain

memperkenalkan sistem simulasi menyelam generasi akan datang yang mereplikasi dunia sebenar keadaan bawah air untuk latihan yang selamat dan berisiko tinggi.

Sesi itu menyerlahkan tetapan yang boleh disesuaikan, ciri keselamatan, dan kesan ke atas latihan maritim global.

Selain sesi-sesi berkenaan,

petak pameran Poni Marine & ASTARI di C13, turut mempamerkan penyelesaian kemampuhan dipacu AI, inovasi digital, dan teknologi maritim, menyediakan pemimpin industri platform untuk membincangkan masa depan transformasi digital dan peningkatan kemahiran.

Penyertaan Poni Marine &

ASTARI di PTEC 2025 menegaskan komitmen mereka terhadap inovasi, kemampuhan, dan transformasi digital.

Acara diakhiri dengan penghargaan kepada jemputan, penceramah, dan rakan kongsi yang menyokong amalan industri yang lebih selamat, bijak dan lebih mampan.



ANTARA pembentangan pada Pameran dan Persidangan Teknologi Petroleum Brunei 2025 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

PANDU DENGAN PERLAHAN. KELAJUAN YANG MELEBIHI 80 KM/J AKAN MENYEBABKAN KENDERAAN AWDA MELUNCUR

Perkara ini akan berlaku apabila tayar kenderaan awda tidak dapat mencengkam permukaan jalan raya dan menyebabkan kenderaan akan meluncur ke hadapan

bruneiweather @brunei.weather Weather Line 114 www.met.gov.bn

ELAKKAN MENEKAN BREK JIKA KENDERAAN AWDA TERBABAS

Biarkan kenderaan awda meluncur dan gunakan stereng untuk menghalakan kenderaan awda ke tempat yang selamat

bruneiweather @brunei.weather Weather Line 114 www.met.gov.bn

Curi : Lelaki tempatan dipenjar, sebat

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 12 Februari. - Seorang lelaki tempatan dihadapkan ke Mahkamah Majistret atas pertuduhan mencuri. Defendan, Abdul Hafiz bin Haji Muhammad Irwan, 35 tahun dijatuhkan hukuman penjara 25 bulan dan dua kali sebatan selepas mengaku bersalah di hadapan Majistret Kanan, Dewi Norlelati binti Haji Abd. Hamid.

Mengikut pertuduhan, defendan melakukan kesalahan tersebut di kawasan tempat letak kereta di Jaya Setia Square Berakas pada 29 Januari 2025 dengan menggunakan kereta miliknya Toyota Vios untuk mencari Mud Guard.

Defendan memandu di sekitar kawasan tersebut dan terjumpa sebuah kereta berjenama Toyota Vios (Silver Vios) yang diletakkan kawasan tempat letak kereta Kolej Perdagangan dan Teknologi Cosmopolitan.

Kemudian, defendan memeriksa kereta Silver Vios untuk melihat sama ada komponen kereta tersebut sesuai dengan keretanya. Setelah memeriksa kereta tersebut, defendan lalu mencuri tiga

komponen iaitu Splash Guard, Mud Guard dan Fog Light Silver Vios menggunakan alat yang dibawa bersamanya. Selepas itu, defendan memasukkan kesemua barang tersebut ke dalam keretanya dan meninggalkan kawasan tersebut.

Pada 30 Januari 2025, kira-kira pukul 9.30 pagi, seorang pegawai penyelenggaraan (pengadu) di Kolej Perdagangan dan Teknologi Cosmopolitan yang juga pemilik kereta Toyota Vios berkenaan, mendapati keretanya rosak dan lalu melihat Splash Guard, Mud Guard dan Fog Light telah hilang.

Pengadu kemudian memeriksa rakaman kamera litar tertutup (CCTV) kawasan letak kereta Jaya Setia Square Berakas dan mendapati bahawa defendan telah mencuri alat komponen kereta pengadu. Hasil siasatan berikutan kejadian tersebut membawa kepada penahanan dan penglibatan defendan.

Semasa siasatan polis, defendan mengaku pergi ke kawasan Jaya Setia Square Berakas dan membongkar serta mencuri barang-barang dari kereta Silver Vios iaitu satu



Splash Guard, dua Fog Lights dan dua Mud Guards.

Defendan seterusnya mengakui selepas mencuri barangan tersebut, dia terus memasang Splash Guard dan kedua-dua Mud Guard ke atas keretanya. Semasa siasatan polis juga, rakaman CCTV turut ditunjukkan kepada defendan, yang mana dia mengaku orang dalam rakaman itu adalah defendan.

Siasatan polis mendedahkan bahawa anggaran kos membaiki kereta itu ialah BND1,403.87 dan membawa kepada gantian semua barang yang dicuri. Dalam rekod, Defendan mempunyai sabitan terdahulu atas kesalahan pada 2016, 2017 dan 2019. Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Abdul Musawwir bin Haji Awang Mahli.

Lelaki tempatan dipenjar 21 bulan akibat curi

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 13 Februari. - Mahkamah Majistret Bandar Seri Begawan menjatuhkan hukuman 21 bulan kepada seorang lelaki tempatan atas kesalahan mencuri dan menyimpan harta curi.

Majistret, Muhammad Qamarul Affyian bin Abdul Rahman menjatuhkan hukuman berkenaan terhadap Hairol Azmi bin Haji Basri (defendan) setelah mengaku bersalah.

Menurut pertuduhan pada 24 Jun 2024, kira-kira jam 4.00 petang, di sekitar jambatan Kampung Sungai Siamas, defendan dengan secara sukarela

membantu dalam melupuskan, atau mengambil alih harta, iaitu satu telefon bimbit jenama Oppo Reno 10 Pro 5G.

Mangsa (PW6) telah berjanji untuk bertemu seorang pembeli di Econ Motors Sdn. Bhd. untuk menjual telefon bimbitnya. Dia mengenal pasti defendan sebagai penumpang dalam kereta yang bercakap dengannya menyatakan bahawa dia adalah pembeli dan ingin membeli telefon bimbit berkenaan untuk anak-anaknya.

Defendan menerima telefon berkenaan sebelum diserahkan kepada pemandu (PW7) untuk

pemeriksaan dan mereka kemudiannya melarikan telefon bimbit berkenaan tanpa bayaran.

Mereka menjual telefon bimbit berkenaan dengan harga BND50 dan mereka membahagikan hasil wang jualan berkenaan sama rata. Telefon bimbit berkenaan ditemui semula pada keesokan harinya, pada 25 Jun 2024.

Berdasarkan bukti yang dikemukakan, tidak ada keraguan bahawa telefon bimbit berkenaan adalah memang harta curi.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Abdul Musawwir bin Haji Awang Mahli.

KETUA LIGA ARAB TEGAS TOLAK PENYINGKIRAN RAKYAT PALESTIN, INGATKAN "GAZA BUKAN UNTUK DIJUAL"



KAHERAH, 14 Feb. - Setiausaha Agung Liga Arab Ahmed Aboul-Gheit pada Khamis menegaskan pendirian tegas organisasi itu menolak sebarang percubaan untuk menyingkirkan

rakyat Palestin dari tanah mereka, sambil menekankan bahawa "Gaza bukan untuk dijual".

"Saya menegaskan penolakan mutlak dan tegas Liga Arab, sebagai institusi yang menghimpunkan semua negara Arab, terhadap sebarang usaha untuk menyingkirkan rakyat Palestin dari tanah mereka dengan apa jua alasan," katanya semasa sesi Majlis Ekonomi dan Sosial liga itu di Kaherah, yang disiarkan di televisyen negara Mesir, lapor Xinhua.

Beliau menekankan bahawa Gaza adalah sebahagian daripada negara Palestin masa depan yang akan ditubuhkan berdasarkan sempadan 1967 dengan Baitulmuqaddis Timur sebagai ibu negaranya, selaras dengan penyelesaian dua negara.

Aboul-Gheit turut menegaskan bahawa isu Palestin merupakan "perjuangan utama bagi dunia

Arab, baik rakyat mahupun kerajaan". Ketua ligaitu berkata sebarang percubaan untuk menyingkirkan rakyat Palestin adalah satu ketidakadilan nyata terhadap hak mereka. Beliau turut mengemukakan peningkatan serangan tentera Israel di Tebing Barat.

Kenyataan itu dibuat di tengah-tengah kebimbangan yang semakin meningkat selepas Presiden Amerika Syarikat Donald Trump baru-baru ini mencadangkan pembangunan semula Gaza dan pemindahan populasinya ke negara jiran termasuk Jordan dan Mesir.

Cadangan kontroversi itu telah ditolak di peringkat serantau dan antarabangsa. Kaherah dijadual menjadi tuan rumah sidang kemuncak tergempar Arab pada 27 Feb bagi membincangkan perkembangan terkini isu Palestin. - ©BERNAMA

Pasaran penggunaan China bersaiz gergasi, peluang besar kerjasama antarabangsa

BEIJING, 14 Feb. - Laporan prospek ekonomi 2025 yang dikeluarkan oleh sebahagian institusi kewangan global baru-baru ini mendedahkan bahawa China sedang menunjukkan keberhasilan secara beransur-ansur dalam pembangunan yang berkualiti tinggi, serta sektor penggunaan dan perkhidmatan dijangka meningkat secara lebih lanjut.

Jurucakap Kementerian Luar China, Guo Jiakun semalam menyatakan bahawa pasaran penggunaan China yang bersaiz gergasi berperanan menyediakan peluang kerjasama yang besar di arena antarabangsa.

Pada tempoh cuti Tahun Baharu Cina (TBC) 2025, pelbagai sektor yang berkait penggunaan di negara ini telah menyaksikan peningkatan pendapatan harian sebanyak 10.8 peratus berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya, antaranya penggunaan barangan dan penggunaan perkhidmatan masing-masing meningkat 9.9 peratus dan 12.3 peratus. Langganan keseluruhan pelancongan outbound pula meningkat sebanyak 30 peratus tahun ke tahun.

Kumpulan Citigroup dalam satu laporannya menyatakan "Operasi ekonomi China baik pada permulaan Tahun Ular". Pelbagai ekonomi yang melibatkan budaya tradisional, warisan budaya tidak ketara, ais dan salji, serta penggunaan tukar beli menjadi semakin hangat semasa perayaan TBC

2025.

Sementara itu, pasaran penggunaan China sedang mengalami perubahan daripada berorientasikan "kuantiti" kepada yang menekankan "kualiti", disokong oleh transformasi digital dan format penggunaan pacuan teknologi.

Bekalan produk asing yang mencukupi serta laris dijual dalam perayaan TBC 2025, berserta industri pelancongan inbound dan outbound yang berkembang pesat, menandakan dan membuktikan bahawa pasaran penggunaan China yang bersaiz gergasi berperanan memberi peluang kerjasama yang besar kepada pelbagai negara.

"Kemakmuran pasaran penggunaan China mencerminkan bukan sahaja permintaan yang semakin pulih, tetapi juga keyakinan pelbagai pihak yang semakin meningkat terhadap pertumbuhan ekonomi domestik. Jelaslah ekonomi China sudah mengalami penstrukturan yang semakin optimum sehingga menjadi sangat akomodatif dan mempunyai penggerak yang kuat.

"Seiring dengan pelaksanaan siri langkah rangsangan ekonomi yang sudah menunjukkan keberhasilan di negara ini, kami komited membantu dunia meningkatkan keyakinan dan motivasi dalam menjana pertumbuhan ekonomi melalui pembangunan domestik yang berkualiti tinggi dan peningkatan tahap keterbukaan," ujar Guo. - ©BERNAMA

6 maut, 7 cedera dalam kebakaran tapak pembinaan di Busan

BUSAN, 14 Feb. - Enam pekerja maut dan tujuh lagi cedera dalam kebakaran di tapak pembinaan sebuah hotel di bandar pelabuhan di tenggara Busan pada Jumaat, lapor agensi berita Yonhap memetik pihak berkuasa.

Kebakaran bermula kira-kira 10.50 pagi di Hotel Banyan Tree yang sedang dalam pembinaan, dipercayai berpunca daripada bahan penebat yang diletakkan berhampiran kolam renang di tingkat satu, menurut ibu pejabat bomba Busan.

Anggota bomba menyelamatkan mereka yang terperangkap menggunakan

helikopter, tetapi enam orang disahkan meninggal dunia. Seramai 14 yang lain diselamatkan dari bumbung, manakala lebih seratus pekerja dipindahkan.

"Kami sedang meneruskan pencarian di dalam bangunan," kata seorang pegawai bomba. Polis dan pihak berkuasa tempatan masih menentukan jumlah sebenar pekerja (yang berada di dalam bangunan).

Pihak berkuasa menaikkan tahap tindak balas kebakaran ke Tahap 2 daripada sistem tiga peringkat berikutan kebimbangan

mengenai peningkatan jumlah mangsa.

Ratusan pekerja dilaporkan berada berhampiran tapak kejadian ketika kebakaran berlaku.

Pemangku Presiden, Choi Sang-mok mengarahkan semua anggota dan peralatan yang ada dikerahkan untuk membantu usaha menyelamat.

"Pastikan operasi mencari dan menyelamatkan dijalankan secara menyeluruh bagi mengelakkan lebih banyak korban, sambil mengutamakan keselamatan anggota bomba," kata Choi. - ©BERNAMA

Singapura tolak kemasukan 33,100 warga asing pada 2024 - ICA

SINGAPURA, 14 Feb. - Singapura menolak kemasukan 33,100 warga asing tahun lepas, yang majoritinya dinilai menimbulkan berisiko terhadap imigresen dan keselamatan negara, menurut Penguasa Imigresen & Pusat Pemeriksaan (ICA) pada Jumaat.

Jumlah itu menunjukkan peningkatan 15.7 peratus berbanding 28,600 warga asing pada 2023.

"Kebanyakan pengembara berisiko tinggi ini dikenal pasti melalui usaha penyiasatan dan pemprofilan lapangan ICA," menurut ICA dalam kenyataan mengenai Statistik Tahunan 2024.

Risiko imigresen termasuk kemungkinan untuk tinggal lebih masa atau bekerja secara haram, manakala risiko keselamatan melibatkan potensi untuk melakukan jenayah di Singapura.

ICA turut menyatakan bahawa pada 2024, terdapat penurunan dalam bilangan kes identiti berganda yang dikesan di pusat pemeriksaan, berkemungkinan disebabkan oleh penggunaan sistem pelepasan biometrik

pelbagai mod serta publisiti berterusan yang menghalang percubaan masuk secara haram.

Selain itu, agensi itu menyatakan bahawa setakat 31 Januari 2025, kira-kira 47 juta pengembara telah melepasi pemeriksaan imigresen tanpa perlu mengemukakan pasport di bawah Konsep Pelepasan Baharu (NCC). Inisiatif ini membolehkan penduduk menikmati pelepasan tanpa pasport di pusat pemeriksaan utama, dan pelepasan automatik kini telah diperluaskan kepada semua pelawat asing.

ICA berkata dengan pelaksanaan penuh NCC, pihaknya dapat menguruskan peningkatan 20 peratus dalam jumlah perjalanan dengan berkesan pada 2024.

Agensi itu mengendalikan hampir 230.4 juta pengembara tahun lepas, peningkatan kira-kira 38 juta berbanding 2023.

Jumlah pengembara pada 2024 mengatasi paras sebelum COVID-19, sebahagian besarnya disebabkan oleh peningkatan mendadak dalam bilangan

pengembara yang menggunakan pusat pemeriksaan darat yang menyumbang lebih 75 peratus daripada jumlah keseluruhan pengembara.

Rekod 562,000 lintasan darat dalam sehari dicatatkan pada 20 Disember 2024, melebihi paras sebelum COVID-19.

Sementara itu, bilangan individu yang ditahan atas kesalahan berkaitan perkahwinan kontrak (MOC) meningkat dengan ketara daripada lapan pada 2023 kepada 41 orang tahun lepas.

"Peningkatan ini berpunca daripada usaha penguatkuasaan lebih intensif ICA untuk menyiasat dan membanteras pengaturan MOC oleh sindiket, sebahagiannya hasil maklumat daripada orang awam," katanya.

ICA menegaskan bahawa pihaknya memandangi serius percubaan mana-mana individu untuk memperdaya sistem dengan terlibat dalam, mengatur atau membantu MOC bagi mendapatkan kemudahan imigresen di Singapura. - ©BERNAMA

Kapal pengangkut pesawat AS berlanggar dengan kapal dagang berhampiran Mesir

ISTANBUL, 14 Feb. - Kapal pengangkut pesawat kelas Nimitz, USS Harry S. Truman berlanggar dengan kapal dagang Besiktas-M berhampiran Mesir, lapor Anadolu Ajansi memetik pengumuman Tentera Laut Amerika Syarikat (AS) pada Khamis. Kejadian berlaku lewat Rabu di Port Said pada kira-kira 11.46 malam waktu tempatan (2146 GMT) di Laut Mediterranean.

US Sixth Fleet Public Affairs mengesahkan perlanggaran itu tidak menjejaskan Truman, dengan tiada laporan mengenai banjir atau kecederaan. "Sistem pendorongan kapal tidak terjejas dan berada dalam keadaan selamat serta stabil," menurut kenyataan itu. Siasatan sedang dijalankan.

Harry S. Truman, yang berpangkalan di Norfolk, Virginia, merupakan antara kapal perang terbesar di dunia berukuran 333 meter panjang dan mampu membawa kira-kira 90 pesawat.

Besiktas-M, kapal pengangkut pukal yang berdaftar di Panama, berukuran 188.5 meter panjang dan dalam pelayaran dari Port Said ke Constanta, Romania, menurut laman sesawang Marine Traffic. - ©BERNAMA

Polis Indonesia pantau pergerakan radikal, HTI kekal sebagai kebimbangan utama

JAKARTA, 14 Feb. - Pihak berkuasa Indonesia kekal berwaspada terhadap aktiviti radikal, termasuk yang dikaitkan dengan kumpulan Hizbut Tahrir Indonesia (HTI) yang diharamkan, walaupun usaha pemantauan tidak kelihatan di mata umum.

Ketua Bahagian Perhubungan Awam, Inspektor Jeneral Sandi Nugroho menyatakan bahawa agensi penguatkuasaan undang-undang dengan kerjasama badan lain yang berkaitan sentiasa memantau dengan berhati-hati potensi ancaman daripada kumpulan radikal di seluruh negara.

"Kewaspadaan berterusan adalah penting dalam persediaan menghadapi sebarang ancaman yang timbul," katanya seperti yang dipetik oleh portal berita Kompas.com.

Polis turut bekerjasama dengan organisasi keagamaan dan masyarakat bagi menangani ideologi pelampau, dengan Sandi menegaskan bahawa menggalakkan kesederhanaan agama adalah tanggungjawab bersama.

Dalam perkembangan berkaitan, seorang bekas anggota HTI mendedahkan bahawa ramai individu masih menyokong fahaman pelampau walaupun organisasi itu telah dibubarkan secara rasmi pada 2017.

Ayik Heriansyah, bekas pemimpin HTI dari Bangka Belitung, berkata walaupun aktiviti kumpulan itu diharamkan, pengaruh ideologinya masih kekal.

Beliau mendedahkan bahawa anggota HTI kini beroperasi di bawah nama berlainan tetapi terus mempromosikan doktrin khalifah. Ayik memberi amaran bahawa walaupun simbol HTI tidak lagi dipaparkan secara terbuka, aktiviti yang dikaitkan dengan kumpulan itu masih boleh dikenali dengan mudah.

HTI dibubarkan pada 2017 kerana memperjuangkan khalifah Islam yang bercanggah dengan prinsip teras Indonesia, dengan kerajaan melihat penolakan kumpulan itu terhadap perpaduan negara sebagai ancaman langsung kepada perpaduan sosial.

Dengan memperjuangkan sistem yang menolak demokrasi dan konsep negara bangsa, HTI berisiko mencetuskan perpecahan serta menjejaskan perpaduan dan kestabilan Indonesia. - ©BERNAMA



KEJOHANAN PINGPONG WANITA SEMPENA CHANCELLOR'S TROPHY



PENOLONG Rektor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UNISSA, Dr. Hajah Lilly Suzana binti Haji Shamsu hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya bergambar ramai.

(Single) pasukan dari UNISSA iaitu Haneeyah Dueramae dinobatkan sebagai juara dalam Kejohanan Pingpong Chancellor's Trophy 2025. Manakala naib juara disandang oleh Nurul Fitri Sofia binti Haji Rosli dari UTB dan Aina Nasuha binti Haji Masri dari UBD meraih tempat ketiga.

majlis pada acara tersebut ialah Penolong Rektor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UNISSA, Dr. Hajah Lilly Suzana binti Haji Shamsu yang turut menyampaikan hadiah kepada para pemenang.

Bagi Kategori Berpasangan (Double) pasukan dari UTB iaitu Nurul Khairina binti Kamal dan Izzati binti Haji Sahrin dinobatkan sebagai juara dalam pertandingan ini.

Kejohanan ini menyaksikan penyertaan daripada empat institusi iaitu Universiti Brunei Darussalam (UBD), UNISSA, Universiti Teknologi Brunei (UTB) dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB).

Manakala naib juara disandang oleh Nur Rifqah Ramizah binti Haji Roslan dan Dayangku Nurul Amal Addina Syamsina Athirah binti Pengiran Haji Noorezamy dari UNISSA dan Dayangku Nor Hidayati binti Pengiran Saidi dan Nurlia Putri Ernawati binti Budiana dari UBD meraih tempat ketiga.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 12 Februari. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) terus memacu kecemerlangan

dan semangat kesukanan dalam kalangan mahasiswi dengan menganjurkan Kejohanan Pingpong bagi Kategori Wanita

sempena Chancellor's Trophy 2024/2025 antara Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Dewan Gymnasium, Kampus Gadong, UNISSA, baru-baru ini. Hadir selaku tetamu kehormat

BERAKAS, Rabu, 12 Februari. - Pemain, jurulatih dan komiti Projek Ikan Pusu (PIP) menerima pengiktirafan dan anugerah atas dedikasi, kejayaan dan sumbangan mereka sepanjang tahun 2024.

Penghargaan berkenaan telah disampaikan oleh Pemangku Pengurus Am Yakin Football League, Muhammad Zainal Abidin Haji Ismail dan Pemangku Pengurus Am HITUNE Group of Companies, Jasiswandy Jasni sempena penutupan Program Teambuilding PIP (Futsal) 2025 di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Dayang Rosnani binti Wahid menerima Anugerah Pengurus Terbaik PIP dan Anugerah Ibu Bapa Berjasa PIP 2024/2025, sementara Haji Aji bin Haji Abdullah merangkul Anugerah Jurulatih Paling Bernilai PIP.

Anugerah Komiti Berjasa PIP diberikan kepada Hajah Noraini binti Haji Momin dan Dayang Sarina binti Haji Dunglah.

Bagi memberikan penghargaan atas jasa dan sumbangan besar terhadap kemajuan serta pembangunan PIP, Anugerah Dalam Kenangan PIP telah diberikan kepada Allahyarham Hamzah bin Mohamad.

Sementara itu, Pemain Terbaik U10 Program Teambuilding 2025 diterima oleh Mohd. Sharazeeq Qays Waqar bin Mohd. Suhardi, manakala Pemain Meningkatkan Baik diberikan kepada Adam Ukaasya

Komiti, pemain PIP terima anugerah



SESI bergambar ramai sempena penutupan Program Teambuilding Projek Ikan Pusu (Futsal) 2025 di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.

■ Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Ihsan Yakin Football League

Al Hamidy Mohd. Ali dan Mohamad Azran Danial Haji Mohd. Yusra.

Hadiah Penjaring Terbanyak dimenangi oleh Nur Syafiq Eddy Farhan bin Norhadi, sementara Penjaga Gol Terbaik menjadi milik Ahmad Asyran Haji Mohd. Amir Abd. Aziz.

PIP Teambuilding Futsal 2025 yang disokong oleh Yakin Football League itu merupakan salah satu program tahunan bagi meningkatkan kemahiran pemain.

Program ini disertai oleh lebih 100 pemain berumur antara 5 hingga 16 tahun.

PIP adalah perintis program bola sepak akar umbi di Negara Brunei Darussalam mempunyai reputasi yang terbaik dan telah berjaya menganjurkan pelbagai program pembangunan bola sepak serta menyertai kerap menjuarai kejohanan-kejohanan bola sepak dan futsal junior di negara ini.

Tahukah Awda

MAJLIS Mesyuarat Negara mempunyai fungsi sebagai penggubal undang-undang, meluluskan anggaran belanjawan dan hasil mahsul dan membincangkan tentang ketetapan cukai. Majlis Mesyuarat Negara dipengerusikan oleh Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara. Ahli-ahlinya terdiri daripada Ahli Rasmi Kerana Jawatan, Orang-orang Bergelar, Orang-orang Yang Telah Mencapai Kecemerlangan dan Wakil-wakil Daerah di Negara Brunei Darussalam.

SUMBER : www.majlis-mesyuarat.gov.bn.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

TERUS BERDOA AGAR SELALU ISTIQAMAH DALAM KEADAAN BERSIH SECARA ROHANI DAN JASMANI